



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah



BUKU PANDUAN

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM
KEUSAHAWANAN





KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

BUKU PANDUAN

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM KEUSAHAWANAN

Terbitan



Bahagian Pembangunan Kurikulum

2012

Copyright © 2010 Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 4-8, Blok E9
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Cetakan Kedua 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

	Halaman
RUKUN NEGARA	v
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vi
BAB 1 PENGENALAN	1
BAB 2 ELEMEN-ELEMEN KEUSAHAWANAN	3
BAB 3 PENDEKATAN PENERAPAN ELEMEN KEUSAHAWANAN	11
BAB 4 INDIKATOR KEJAYAAN PENERAPAN	15
CONTOH-CONTOH PENERAPAN ELEMEN KEUSAHAWANAN DALAM RANCANGAN PELAJARAN HARIAN	
Bahasa Malaysia Tahun Satu	23
English Year 1	25
Dunia Seni Visual Tahun 1	26
Dunia Muzik Tahun 1	28
Dunia Sains Dan Teknologi Tahun 1	30
Matematik Tahun 1	32
Bahasa Isyarat Komunikasi Tahun 1	33
Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan Tahun 1 (Bidang: Orientasi Dan Mobiliti)	36
Pengurusan Kehidupan (Pengurusan Tingkah Laku) Tahun 1	38
English (Year 2 & Year 3) –SK & SJK	39
Bahasa Malaysia Tahun 2 SK	44
Bahasa Malaysia Tahun 2 (SJKC/SJKT)	46
Bahasa Arab Tahun 2	48
Matematik Tahun 2	50
Pendidikan Islam Tahun 2	52

Halaman

Dunia Sains Dan Teknologi Tahun 2	55
Dunia Seni Visual Tahun 2	57
Dunia Muzik Tahun 2	59
Pendidikan Jasmani Tahun 2	61
Pendidikan Kesihatan Tahun 2	64
Pendidikan Moral Tahun 2	66
Pendidikan Moral Tahun 2	68
Bahasa Malaysia Sk Tahun 3	69
Bahasa Malaysia Tahun 3 Sjkc	71
Bahasa Arab Tahun 3	73
Dunia Sains Dan Teknologi Tahun 3	76
Dunia Muzik Tahun 3	78
RUJUKAN	80
PENGHARGAAN	82



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memasukkan pengajaran keusahawanan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sejak awal tahun 1990-an. Mata pelajaran yang mengandungi topik-topik yang berkait terus dengan keusahawanan ialah Kemahiran Hidup Sekolah Rendah dan Kemahiran Hidup Bersepadu yang diajar di sekolah menengah rendah. Di sekolah menengah atas, aspek keusahawanan diwujudkan dalam mata pelajaran elektif seperti Perdagangan dan Asas Keusahawanan. Kandungan kurikulum ini lebih memberi penekanan kepada pengetahuan bagi murid tentang proses-proses untuk menguruskan perniagaan secara langsung. Aspek-aspek pembangunan murid untuk menjadi insan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan hanya disentuh secara tidak langsung. Hasil daripada kaedah sebegini, murid yang terhasil didapati masih tidak membudayakan ciri-ciri keusahawanan dalam kehidupan seharian.

Pemupukan budaya keusahawanan secara merentas kurikulum bermula dari Tahun Satu adalah penting bagi mewujudkan kurikulum yang relevan dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan. Di samping itu, budaya keusahawanan juga dapat membentuk generasi berwawasan yang mempunyai asas yang kukuh dalam aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, berkomunikasi, kreativiti, pemikiran inovatif, bersemangat positif dan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan.

Sehubungan dengan perkara di atas, untuk menghasilkan murid yang mempunyai budaya keusahawanan dalam kehidupan seharian, penerapan elemen keusahawanan secara merentas kurikulum diperkenalkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula di Tahun Satu pada tahun 2011.

Penerapan elemen keusahawanan merentas kurikulum perlu dilaksanakan seawal Tahun Satu persekolahan. Ini bertujuan agar murid dapat mengamalkan sikap keusahawanan, mengamalkan cara berfikir ke arah menghasilkan sesuatu idea, memperoleh kemahiran dan pengetahuan asas dalam konteks perniagaan, menghasilkan produk yang berasaskan kemahiran teknologi dan vokasional, serta mempunyai perlakuan yang bermoral dengan nilai etika yang tinggi menerusi topik-topik mata pelajaran yang relevan, yang dipelajari di dalam kelas.

Penerapan elemen ini akan menghasilkan murid yang akan mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan budaya kerja yang baik selain daripada boleh menghasilkan inovasi, mereka cipta dan mempunyai kecenderungan untuk berurus niaga.

Penerapan elemen keusahawanan boleh dirancang dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermula seawal Tahap I (Tahun Satu hingga Tahun Tiga) seterusnya di akhir Tahap II (Tahun Empat hingga Tahun Enam). Penerapan elemen keusahawanan ini perlu diteruskan sehingga ke Tingkatan Lima di sekolah menengah.

Buku Panduan Elemen Keusahawanan ini telah dihasilkan dalam usaha memberi penjelasan yang lebih lanjut kepada guru-guru mengenai elemen keusahawanan dan cara penerapannya dalam pengajaran harian. Kandungan buku ini terbahagi kepada TIGA perkara yang perlu diketahui oleh guru sebagai panduan dalam menerapkan elemen keusahawanan secara merentas kurikulum, iaitu:

1. Elemen-Elemen Keusahawanan
2. Pendekatan Penerapan Elemen Keusahawanan
3. Indikator Kejayaan Penerapan

Dalam Bab Satu Buku Panduan ini, guru-guru akan dijelaskan mengenai konsep, definisi, matlamat, objektif dan lima Elemen Keusahawanan secara umum. Guru perlu menjiwai kandungan Bab Satu bagi memastikan pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan berkesan.

Bab Dua memberi tumpuan kepada lima Elemen Keusahawanan yang menjadi perkara utama yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Setiap satu daripada elemen keusahawanan ini terbahagi kepada beberapa pecahan sub-elemen. Setiap sub-elemen mempunyai maksud yang tersendiri dan boleh dipilih dan diguna pakai oleh guru mengikut kesesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut.

Bab Tiga menerangkan pendekatan yang boleh diguna oleh guru untuk menerapkan elemen keusahawanan. Ada 3 jenis pendekatan penerapan yang diperkenalkan iaitu Pendekatan Penyebatian, Pendekatan Pengintegrasian dan Pendekatan Pengaplikasian. Pemilihan pendekatan yang sesuai bergantung kepada faktor bahan aktiviti yang disediakan oleh guru dan tempoh masa yang diperuntukkan bagi modul atau mata pelajaran tersebut.

Bab Empat menyenaraikan indikator-indikator dalam perubahan tingkah laku murid untuk mengukur keberkesanannya pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan. Penerapan yang berkesan dapat menghasilkan perubahan tingkah laku yang jelas. Setiap sub-elemen yang dipilih ada disenaraikan indikator yang berpadanan untuk dapat ditaksir oleh guru.

BAB 2

ELEMEN-ELEMEN KEUSAHAWANAN

Definisi Keusahawanan

Menurut Hisrich dan Peters (2008), keusahawanan ialah suatu proses dinamik untuk mencipta kekayaan. Kekayaan dicipta oleh individu yang menanggung risiko dalam bentuk modal, masa dan komitmen kerjaya. Seterusnya mereka menegaskan bahawa keusahawanan ialah proses mencipta sesuatu yang baharu dengan mengambil kira masa, usaha, risiko kewangan, psikologi dan sosial serta menerima manfaat dari segi kewangan, kepuasan peribadi dan kebebasan.

Kuratko dan Hodgetts (2007) pula menjelaskan keusahawanan sebagai proses inovasi dan penciptaan melalui empat dimensi iaitu individu, organisasi, alam sekitar dan proses. Mereka selanjutnya berpendapat, sikap boleh melihat peluang, berani mengambil risiko dan mempunyai kelangsungan untuk merealisasikan idea bergabung dalam satu perspektif yang tersendiri membentuk individu yang mempunyai minda keusahawanan.

Dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan, maka definisi yang sesuai digunakan ialah menyediakan murid untuk mempunyai amalan-amalan diri yang akan terserlah dalam bentuk tingkah laku untuk bertindak dalam situasi yang terarah ke arah kesejahteraan diri, keluarga dan negara.

Matlamat Penerapan

Penerapan elemen keusahawanan dalam KSSR bertujuan untuk murid mengamalkan **lima** elemen keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran sehingga menjadi **budaya dalam kehidupan sehari-hari mereka**.

Objektif Penerapan Elemen Keusahawanan

Murid yang mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan dengan elemen keusahawanan dalam pelbagai disiplin ilmu akan mengamalkan tingkah laku yang terarah ke arah keusahawanan.

Lima Elemen Keusahawanan (EK) yang diterapkan adalah:

EK1 - Mengamalkan sikap keusahawanan

EK2 - Mengamalkan cara berfikir ke arah keusahawanan dalam situasi yang diperlukan

EK3 - Mengamalkan cara-cara pengurusan asas jual beli yang mudah

EK4 - Menghasilkan produk berasaskan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional

EK5- Mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan

Kelima-lima elemen ini memberi penekanan secara langsung dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak dibekalkan dalam diri murid.

Fokus elemen keusahawanan tersebut ialah:

EK1 - Mengamalkan sikap keusahawanan

Murid yang sentiasa menerima penerapan sikap-sikap keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan terdorong untuk mengamalkan sikap-sikap tersebut dalam kehidupan sehari-hari sehingga menjadi budaya. Budaya yang terbentuk ini akan dapat membantu murid mempunyai tingkah laku yang dapat menentukan kejayaan dalam sebarang usaha ke arah keusahawanan di masa akan datang.

Berikut adalah sikap keusahawanan yang ingin diterapkan di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran:

1.1 Bertanggungjawab terhadap keputusan

Murid perlu bertanggungjawab ke atas sebarang keputusan yang diambil. Murid diberi kebebasan untuk mengawal sendiri sumber-sumber berkaitan pembelajaran dan menggunakan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Kesanggupan mengambil tanggungjawab terhadap hasil keputusan yang dibuat berkait rapat dengan kekuatan kawalan dalaman diri murid.

1.2 Peka kepada peluang

Untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, murid perlu peka dengan keupayaan sendiri dan boleh melihat serta mengambil peluang yang terdapat di persekitaran. Peluang perniagaan boleh wujud akibat masalah yang ditimbulkan oleh orang lain, perubahan teknologi, perubahan cita rasa pengguna, perubahan cara hidup, perubahan sikap, sumber-sumber alam yang masih belum diterokai dan sebagainya.

1.3 Berani mengambil risiko yang dianggarkan

Dalam dunia yang mempunyai kadar ketidaktentuan yang tinggi, murid perlu belajar mengurus risiko dan memastikan bahawa risiko yang diambil adalah munasabah dan berpatutan dengan ganjaran yang diterima.

1.4 Daya kreativiti dan inovasi

Kreativiti dijelaskan sebagai kebolehan mengadakan idea alternatif. Inovatif pula adalah kebolehan memperbaiki dan mengaplikasikan idea kreatif terhadap masalah. Murid yang dibekalkan dengan minda yang kreatif akan dapat menyelesaikan masalah secara logikal di samping boleh menghasilkan idea yang boleh dilaksanakan dalam bentuk suatu inovasi.

1.5 Fleksibiliti

Murid yang mengamalkan sikap fleksibiliti akan mempunyai kebolehan untuk menyesuaikan diri terhadap perubahan persekitaran. Dalam dunia sekarang yang sentiasa berubah, kebolehan bertindak dengan cara yang fleksibel memerlukan satu daya kreativiti yang tinggi.

1.6 Keinginan kepada maklum balas segera

Murid akan memiliki keinginan yang kuat untuk menggunakan pengetahuan bagi membaiki prestasi mereka. Sikap ini sangat berkait rapat dengan kehendak untuk belajar dari kesilapan lalu.

1.7 Berorientasikan masa depan

Murid yang diberi pendedahan kepada corak perniagaan masa depan akan mempunyai keinginan untuk melibatkan diri dalam bidang tersebut.

1.8 Kesanggupan belajar daripada kesilapan

Murid sanggup menerima kegagalan sebagai satu dorongan untuk mencapai kejayaan. Kegagalan merupakan satu pengajaran supaya kesilapan yang sama tidak diulangi. Dengan sikap sedemikian, murid akan dapat memperbaiki peluang untuk mencapai kejayaan.

1.9 Berkeupayaan memimpin

Murid mempunyai keupayaan untuk memimpin, memiliki pengetahuan tentang teknologi dan keadaan persekitarannya. Jarang sekali dapat dilihat seseorang yang tidak mempunyai pengalaman berjaya di dalam bidang yang diterokainya. Murid yang telah membudayakan keupayaan memimpin mempunyai kemampuan untuk menggunakan pengaruhnya sebagai pemimpin.

1.10 Berorientasikan pencapaian

Murid mengetahui objektif dan matlamat yang hendak dicapai dalam sesuatu perkara. Objektif dan matlamat yang ditetapkan merupakan satu

dorongan yang kuat yang akan menggerakkan murid ke arah pencapaian tersebut.

1.11 Berdaya tahan

Murid berani menghadapi pelbagai cabaran dan halangan untuk menjayakan sesuatu projek yang diberikan. Dia perlu mempunyai daya kekuatan mental, fizikal dan emosi yang tinggi untuk terus bertahan di samping terus menangani segala masalah yang dihadapi dengan tabah sehingga berjaya.

1.12 Bertoleransi terhadap ketidaktentuan yang tinggi

Murid tetap melaksanakan tugasan yang diberi walaupun menghadapi pelbagai kemungkinan situasi akibat daripada tidak mendapat maklumat yang tepat atau perubahan yang tidak dijangka. Murid perlu mempunyai kesabaran untuk bertolak ansur dengan situasi yang tidak menentu serta tenang mencari penyelesaiannya.

1.13 Daya ketabahan yang tinggi

Terdapat pelbagai aktiviti yang perlu dilaksanakan dengan kekuatan semangat yang tinggi. Murid perlu mampu mengharungi pelbagai cabaran untuk menjamin kejayaan dalam usaha yang dilakukan.

1.14 Boleh membina jaringan sosial

Murid boleh menggunakan jaringan sosial untuk menjalin hubungan kerjasama bagi mendapatkan maklumat atau perkongsian sumber.

Pedagogi pembentukan sikap keusahawanan melibatkan langkah-langkah seperti:

- Bersoal-jawab meminta pandangan murid;
- Meminta murid berfikir dan mendapatkan jawaban terhadap sesuatu situasi;
- Meminta murid membuat ulasan terhadap sesuatu isu yang berkaitan;
- memotivasi murid untuk menjadi usahawan; dan
- mengamalkan sikap keusahawanan sebagai satu amalan harian sehingga menjadi budaya dalam kehidupan mereka.

EK2 - Mengamalkan cara berfikir ke arah keusahawanan dalam situasi yang diperlukan

Seorang murid perlu sentiasa berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Ini akan membantu mereka mengenal pasti peluang-peluang dalam persekitaran, agar mereka boleh terus berjaya atau sekurang-kurangnya bertahan dalam usaha mereka.

Elemen ini melibatkan sembilan langkah utama iaitu:

- 2.1 amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan;**
- 2.2 menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif;**
- 2.3 menghasilkan idea dari pemerhatian;**
- 2.4 memilih idea terbaik daripada banyak idea;**
- 2.5 menambahbaik idea yang dipilih (inovasi);**
- 2.6 menilai idea secara kritis dalam konteks;**
- 2.7 melaksanakan idea dalam bentuk produk teknologi abstrak atau konkret;**
- 2.8 menyesuaikan idea baru dengan keperluan masyarakat dan persekitaran; dan**
- 2.9 meneruskan peningkatan kualiti idea.**

EK3 - Mengamalkan cara-cara pengurusan asas jual beli yang mudah

Seorang murid boleh menguasai pengetahuan dan kemahiran pengurusan asas jual beli yang mudah sekiranya beliau sentiasa didedahkan perkara tersebut di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selain daripada mempunyai sikap dan cara berfikir ke arah keusahawanan, murid boleh mengamalkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan asas perniagaan dalam urusan jual beli yang mudah dalam situasi kehidupan harian yang relevan.

Pengetahuan dan kemahiran pengurusan asas jual beli yang mudah melibatkan proses-proses:

- 3.1 merancang sesuatu projek dengan teliti;**
- 3.2 melaksana projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan;**
- 3.3 memantau projek; dan**
- 3.4 menilai pelaksanaan projek.**

Pedagogi penerapan elemen pengetahuan dan kemahiran pengurusan asas jual beli yang mudah melibatkan praktis amalan-amalan seperti:

- mengurus wang sama ada dalam perbelanjaan harian atau penabungan;
- mengurus transaksi jual beli mudah harian; dan
- amalan kepenggunaan yang baik.

EK4 - Menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional

Seorang murid yang telah mempelajari sesuatu teknik dalam pembelajarannya boleh mereka cipta dan menghasilkan produk yang berdaya saing berdasarkan pengetahuan teknologi dan vokasional mengikut kreativitinya.

Asas pengetahuan dan kemahiran teknologi dan vokasional boleh digunakan dalam:

- 4.1 Menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta teknologi dan vokasional;**
- 4.2 Menghasilkan produk yang sama dengan menggunakan teknologi yang berlainan;**
- 4.3 Menghasilkan produk menggunakan sumber yang pelbagai/ sumber alternatif/ sumber kitar semula.**

Pedagogi penerapan elemen ini melibatkan murid mempraktikkan langkah-langkah dalam reka bentuk (*design*) yang menggabungkan pengetahuan dan kemahiran teknologi dan vokasional yang diajar oleh guru untuk menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan.

EK5 - Mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan

Amalan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan mendorong murid mempunyai tingkah laku yang bertanggungjawab kepada masyarakat. Murid yang sentiasa diterapkan dengan nilai moral dan etika yang baik ini akan menjadikan nilai-nilai ini sebagai panduan dalam proses pembentukannya sebagai insan. Ia akan seterusnya menjadi warganegara yang mempunyai integriti yang tinggi, bersifat patriotik dan tidak mementingkan diri sendiri.

Ada **lima** prinsip amalan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan:

- 5.1 Prinsip Tanggungjawab Sosial:** perniagaan tidak boleh menyebabkan kemudaratan kepada manusia dan alam sekitar.
 - i. Menjaga kesejahteraan masyarakat dan persekitaran dari aspek fizikal dan emosi individu.
 - ii. Tidak menyalahgunakan kuasa dan sumber.
- 5.2 Prinsip Keadilan:** mengamalkan perniagaan yang adil.
 - i. Tidak menindas.
 - ii. Tidak memilih kasih.

5.3 Prinsip Hak Manusia: amalan menghormati hak manusia.

- i. Menghormati hak orang lain.
- ii. Tidak menghalang hak orang lain.

5.4 Prinsip Autonomi: perniagaan tidak boleh menafikan hak memilih individu.

- i. Menghormati cara hidup orang lain.
- ii. Menghargai kepelbagaian manusia.

5.5 Prinsip Ketelusan: perniagaan yang tidak mengelirukan.

- i. Tidak mengelirukan masyarakat.
- ii. Menyatakan yang benar.

Pedagogi penerapan elemen amalan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan melibatkan situasi-situasi yang memerlukan murid membuat penilaian dan seterusnya mengamalkan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Dalam kelas, murid boleh melakukan amalan nilai moral dan etika keusahawanan secara simulasi dan main peranan.

BAB 3

PENDEKATAN PENERAPAN ELEMEN KEUSAHAWANAN

Terdapat tiga pendekatan penerapan elemen keusahawanan yang boleh digunakan oleh guru untuk menerapkan elemen-elemen tersebut.

Tiga jenis pendekatan tersebut ialah:

1. Pendekatan Penyebatian

Guru diberi kebebasan untuk memilih pendekatan yang ingin digunakan bergantung pada aktiviti dan masa pengajaran dan pembelajaran guru pada hari tersebut. Pemilihan Pendekatan Penyebatian adalah sangat tepat sekiranya aktiviti pengajaran yang dipilih pada hari tersebut secara terang-terangan ke arah keusahawanan. Penerapan elemen keusahawanan boleh mula diterapkan dari set induksi, langkah 1, 2 dan seterusnya tiba masa guru merumuskan pembelajaran pada hari tersebut. (Rajah 1)



RAJAH 1: PENDEKATAN PENYEBATIAN

2. Pendekatan Pengintegrasian

Pendekatan Pengintegrasian boleh digunakan sekiranya aktiviti yang dirancang dalam mana-mana topik tidak ke arah membincangkan hal yang berkaitan keusahawanan. Walaupun demikian, di antara aktiviti-aktiviti tersebut, guru boleh menerapkan mana-mana elemen keusahawanan dengan cara meminta pandangan murid dalam situasi-situasi yang berkaitan. (Rajah 2)



RAJAH 2: PENDEKATAN PENGINTEGRASIAN

3. Pendekatan Pengaplikasian

Bagi Pendekatan Pengaplikasian, proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan seperti yang dirancang oleh guru. Tetapi setelah objektif pengajaran pada hari itu tercapai, guru mengaplikasikan hasil pembelajaran tersebut dengan mana-mana elemen keusahawanan yang berkaitan. Pengaplikasian ini boleh dilaksanakan secara menghubungkaitkan perkara yang dipelajari pada hari itu dengan situasi keusahawanan sebenar. (Rajah 3)



RAJAH 3: PENDEKATAN PENGAPLIKASIAN

BAB 4

INDIKATOR KEJAYAAN PENERAPAN

Proses penerapan elemen keusahawanan merupakan satu proses yang perlu dilaksanakan secara berterusan. Dalam tempoh-tempoh tertentu, perubahan tingkah laku dalam diri murid sudah boleh dilihat menggunakan indikator-indikator tertentu berdasarkan jenis elemen yang diterapkan oleh guru di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Buku Panduan ini menyenaraikan indikator yang boleh diguna pakai oleh guru sebagai alat penentu ukur keberkesanannya penerapan elemen tersebut.

EK1- Mengamalkan sikap keusahawanan

EK	Amalan yang diterapkan ialah:	Indikator yang boleh diukur, murid...
1.1	Bertanggungjawab terhadap keputusan	- menepati masa yang ditetapkan. - menyiapkan tugas sehingga selesai.
1.2	Peka kepada peluang	- suka mengambil tahu. - mengambil berat terhadap perubahan persekitaran. - tahu menggunakan sumber/ruang.
1.3	Berani mengambil risiko	- lebih berhati-hati untuk bertindak. - menyenaraikan kesan dan akibat. - sedia menerima teguran.
1.4	Daya kreativiti dan inovasi	- suka memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan. - boleh memberi banyak idea. - boleh menilai idea untuk memilih idea yang terbaik. - boleh mencipta/mereka cipta sesuatu.
1.5	Fleksibiliti	- boleh menyesuaikan diri dalam apa juga situasi. - boleh mengadaptasi mengikut persekitaran. - boleh menimbang pandangan rakan. - bersedia mendengar dan didengar.
1.6	Keinginan kepada maklum balas segera	- Murid memberi reaksi segera apabila diminta.
1.7	Berorientasikan masa depan	- boleh berimajinasi terhadap sesuatu yang

		<p>belum berlaku.</p> <ul style="list-style-type: none"> - boleh menyenaraikan kesan dan akibat terhadap sesuatu tindakan. - boleh menjangkakan sesuatu. - boleh membuat perancangan.
1.8	Kesanggupan belajar daripada kesilapan	<ul style="list-style-type: none"> - bersedia menerima teguran/pandangan orang lain. - bersedia mengubah tindakan/keputusan yang silap.
1.9	Berkeupayaan memimpin	<ul style="list-style-type: none"> - boleh bekerjasama dalam kumpulan. - boleh bertolak ansur. - boleh berkongsi pendapat. - boleh meneraju/memimpin.
1.10	Berorientasikan pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> - tahu matlamat/objektif tindakan. - berusaha untuk mencapai objektif. - menyiapkan tugas dalam masa yang diberikan.
1.11	Berdaya tahan	<ul style="list-style-type: none"> - tidak mudah berputus asa. - sanggup menerima kritikan. - menyelesaikan tugas walaupun terdapat halangan. - sabar dengan tugas yang berat.
1.12	Bertoleransi terhadap ketidaktentuan yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> - sentiasa bersedia untuk bertindak dengan apa juga perubahan. - mengambil tindakan yang sesuai dengan keperluan persekitaran. - sedia berunding dengan rakan-rakan pada bila-bila masa.
1.13	Daya ketabahan yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> - menerima teguran/pandangan orang lain. - meneruskan sesuatu tindakan sehingga berjaya.
1.14	Boleh membina jaringan sosial	<ul style="list-style-type: none"> - boleh berkomunikasi dengan baik. - mesra dengan semua orang. - boleh mengekalkan hubungan baik.

EK2- Mengamalkan cara berfikir ke arah keusahawanan dalam situasi yang diperlukan

EK	Amalan yang diterapkan ialah:	Indikator yang boleh diukur, murid...
2.1	Memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan	<ul style="list-style-type: none"> - boleh menyenaraikan/mengumpul maklumat. - boleh mendapatkan maklumat daripada mana-mana sumber.
2.2	Menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif	<ul style="list-style-type: none"> - boleh menyatakan kebaikan/keburukan sesuatu perkara. - boleh membuat penilaian.
2.3	Menghasilkan idea dari pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> - boleh mengemukakan/mencadangkan idea baru/alternatif berasaskan maklumat.
2.4	Memilih idea terbaik daripada banyak idea	<ul style="list-style-type: none"> - boleh membuat penilaian terhadap idea
2.5	Menambahbaik idea yang dipilih (inovasi)	<ul style="list-style-type: none"> - boleh mencadangkan cara/teknik/strategi/idea/kaedah yang lebih baik.
2.6	Menilai idea secara kritis dalam konteks	<ul style="list-style-type: none"> - boleh memodifikasi/mengubahsuai/ menambahbaik idea mengikut situasi/ keperluan.
2.7	Melaksanakan idea dalam bentuk produk teknologi abstrak atau konkrit	<ul style="list-style-type: none"> - boleh mengaplikasi ilmu/teknologi untuk merealisasikan idea yang telah dipilih.
2.8	Menyesuaikan idea baharu dengan keperluan masyarakat dan persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> - boleh menghasilkan sesuatu yang boleh digunakan oleh orang ramai. - boleh memodifikasi idea untuk disesuaikan dengan keperluan/kehendak semasa.
2.9	Meneruskan peningkatan kualiti idea	<ul style="list-style-type: none"> - boleh membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap idea asal. - berupaya mencari idea baharu. - berupaya membuat penyelidikan.

EK3- Mengamalkan cara-cara pengurusan asas jual beli yang mudah

EK	Amalan yang diterapkan ialah:	Indikator yang boleh diukur, murid...
3.1	Merancang sesuatu projek dengan teliti	<ul style="list-style-type: none"> - boleh mengumpulkan maklumat. - boleh menyenaraikan langkah-langkah kerja.
3.2	Melaksana projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan	<ul style="list-style-type: none"> - berupaya menjalankan tugas mengikut perancangan.
3.3	Memantau projek	<ul style="list-style-type: none"> - akan memastikan kualiti tugas/projek di tahap yang tinggi.
3.4	Menilai pelaksanaan projek	<ul style="list-style-type: none"> - boleh menyenaraikan kesan/faedah/kelemahan/kekuatan projek. - boleh membuat keputusan. - boleh mengambil tindakan susulan.

EK4- Menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional

EK	Amalan yang diterapkan ialah:	Indikator yang boleh diukur, murid...
4.1	Menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional	<ul style="list-style-type: none"> - boleh menggunakan pengetahuan/teknologi yang dipelajari untuk melaksanakan sesuatu idea hingga terhasilnya sesuatu produk. - boleh menghasilkan sesuatu produk berdasarkan kemahiran yang dimiliki. - boleh merekacipta suatu produk. - boleh menukar idea asal kepada idea komersial/mengkomersialkan idea.
4.2	Menggunakan teknologi berlainan untuk menghasilkan produk yang sama	<ul style="list-style-type: none"> - boleh mencadangkan teknologi lain untuk menghasilkan produk yang sama. - boleh melakarkan reka bentuk proses penghasilan produk menggunakan teknologi yang berlainan.
4.3	Menggunakan sumber yang pelbagai/sumber	<ul style="list-style-type: none"> - boleh mencadangkan sumber alternatif/bahan kitar semula untuk

	alternatif/sumber semula kitar	<ul style="list-style-type: none"> - menghasilkan sesuatu produk. - boleh menggunakan sumber alternatif/bahan kitar semula untuk menghasilkan sesuatu produk.
--	--------------------------------	---

EK5- Mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan

EK	Amalan yang diterapkan ialah:	Indikator yang boleh diukur, murid...
5.1	Prinsip Tanggungjawab sosial	<ul style="list-style-type: none"> - menjaga kebersihan sekolah/bilik darjah. - menjaga kesejahteraan bilik darjah/sekolah. - mengelak perselisihan faham/salah sangka/buruk sangka.
5.2	Prinsip Keadilan	<ul style="list-style-type: none"> - mengikut giliran/beratur. - tidak mengambil hak/barang rakan. - membahagikan tugas sama rata.
5.3	Prinsip Hak Manusia	<ul style="list-style-type: none"> - menyayangi dan menjaga barang sendiri/rakan sekelas. - tidak mengambil barang rakan lain tanpa izin.
5.4	Prinsip Autonomi	<ul style="list-style-type: none"> - menghormati rakan berlainan bangsa dan agama.
5.5	Prinsip Ketelusan	<ul style="list-style-type: none"> - menyatakan/menyampaikan maklumat dengan betul/jelas. - tidak berselindung.



CONTOH-CONTOH PENERAPAN ELEMEN KEUSAHAWANAN DALAM RANCANGAN PELAJARAN HARIAN

BAHASA MALAYSIA TAHUN SATU

Tema/Tajuk	Kebudayaan - Makanan Kita
Masa:	7.30 – 8.30 pagi
Standard Pembelajaran:	1.4.4 Bertutur dan menyatakan permintaan untuk melakukan sesuatu perkara dalam situasi tidak formal secara bertatususila. 3.3.4 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.
Objektif:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat; 1. Bertutur untuk menyatakan permintaan dengan intonasi yang betul secara bertatususila. 2. Membina dan menulis ayat tunggal berbentuk permintaan yang bertatususila dengan betul dan kemas. 3. Murid menuturkan semula ayat-ayat permintaan yang telah didengari daripada dialog yang diperdengarkan. (EK1 – 1.14); (EK5 – 5.3) 4. Murid melakukan main peranan sebagai penjual dan pembeli di sebuah kantin sekolah. (EK3 – 3.1, 3.2, 3.3 dan 3.4) 5. Murid dan guru berbincang tentang ayat-ayat permintaan yang sesuai dalam aktiviti main peranan. (EK2 – 2.1, 2.2, 2.3 dan 2.4) 6. Murid membina dan menulis ayat tunggal berbentuk permintaan yang bertatususila dengan betul dan kemas.
Aktiviti:	
EMK:	Keusahawanan – EK1, EK2 dan EK3
BBM/Media:	Radio/ komputer, slaid <i>powerpoint</i> gambar-gambar tunggal, kad peranan, lembaran kerja
Penilaian p&p:	Murid membina dan menuturkan ayat-ayat permintaan berdasarkan gambar situasi di sebuah gerai atau kedai.
Refleksi:	____ orang daripada ____ orang murid telah mencapai objektif p&p. Murid belum menguasai akan diberi bimbingan dalam aktiviti pemulihan.

Nota:

Contoh Modul Bahasa Malaysia ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Penyebatian**. Aktiviti p&p secara terus melibatkan main peranan murid menjadi penjual dan pembeli makanan di kantin sekolah.

Dalam aktiviti p&p 1: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama (**EK1 – 1.14 sikap boleh membina jaringan sosial**). Selepas murid diperdengarkan dengan soalan-soalan menerusi dialog yang guru sediakan, murid boleh diminta untuk menuturkan semula ayat-ayat permintaan dengan cara mereka tersendiri dan guru menjelaskan kepada murid cara yang betul dalam menuturkan ayat-ayat permintaan agar orang yang diminta akan memberi apa yang kita minta dengan sukarela.

Seterusnya, elemen keusahawanan kelima; (**EK5 – 5.3 Prinsip Hak Manusia**) Murid diperdengarkan dialog yang menyatakan ayat-ayat permintaan. Di sini, guru boleh berosal jawab dengan murid mengenai bagaimana untuk meminjam barang kepunyaan rakan mereka. Murid perlu dipastikan agar dapat menghormati rakan dengan menuturkan ayat permintaan yang baik sebelum mengambil barang kepunyaan rakan.

Di dalam aktiviti p&p 2; elemen keusahawanan ketiga; (**EK3 – 3.1 Merancang sesuatu projek dengan teliti, 3.2 Melaksanakan projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan, 3.3 memantau projek, 3.4 Menilai pelaksanaan projek**) boleh diterapkan dengan jelas sewaktu aktiviti main peranan sebagai penjual dan pembeli. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan; sebagai penjual dan pembeli. Guru meminta seorang murid menjadi ketua untuk menerapkan keupayaan memimpin (**EK1 – 1.9 Berkeupayaan memimpin**), bersama-sama ahli kumpulannya, merancang bagaimanakah untuk menyusun barang jualan dan jenis makanan yang sesuai dijual dalam konteks tersebut. Guru meminta murid melaksanakan main peranan berjual beli tersebut (**EK3.2**). Ahli kumpulan diminta memberi laporan hasil jual beli sebelum aktiviti main peranan berakhir (**EK3.3**). Ketua kumpulan diminta untuk memaklumkan apakah jenis makanan yang digemari oleh ‘pembeli’ dan apakah makanan yang paling lambat terjual. (**EK3.4**) Di sini, guru boleh meminta pandangan murid berdasarkan situasi sebenar, makanan/ minuman yang mudah dijual/ kurang digemari oleh pembeli dan murid perlu disoal tentang kenapa hal itu terjadi (**EK1.4 Kreativiti**). Selain daripada itu, murid boleh dibiarkan untuk menghasilkan kreativiti dalam menghias gerai jualan tersebut (**EK1.4 Kreativiti**). Peranan guru hanyalah memberi galakkan kepada murid untuk merealisasikan idea yang terbentuk dalam pemikiran mereka. (**EK2.1 Amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan**).

Dalam aktiviti p&p 3: Guru boleh meminta murid memberikan ayat-ayat permintaan secara terbuka (**EK2.1**). Guru membantu murid dalam menganalisis bentuk ayat-ayat permintaan yang diberikan (**EK2.2**). Seterusnya guru membantu murid menghasilkan idea untuk menuturkan ayat permintaan yang sesuai dalam konteks yang berbeza (**EK2.3**). Ramai murid akan memberikan ayat permintaan masing-masing. Guru perlu menerangkan kepada murid ayat yang lebih sesuai dipilih mengikut konteks masing-masing (**EK2.4**).

ENGLISH YEAR 1

Theme and Topic:	World of Stories; Rin and Ash
Time:	60 minutes (8.00 – 10.00)
Learning Standards:	2.1.1 Able to identify and distinguish the shapes of the letters in the alphabet. 2.1.2 (a) Able to recognize and articulate initial, medial and the final sounds in single syllable words within given content: /s/ (s); /ae/ (a); /t/ (t); /p/ (p)
Lesson Objective:	By the end of the lesson, pupils will be able to recognize and articulate the phoneme /ae/
Activities:	1. Make sounds of animals and pupils guess (EK1- 1.4; EK2- 2.1); 2. Read the story, “Rin and Ash” aloud. Pupils read after teacher. 3. Point to the words with phoneme /ae/, pupils say the words aloud; 4. Get one pupil to say a word aloud and other points to the words; 5. Pupils match word cards and picture cards (EK3- 3.1). 1. Good value and politeness 2. Entreprenuer Element: (EK1, EK2, EK3)
EMK:	Big book, word cards, picture cards
Teaching Aids:	Pupils ability to pronounce and articulate the phoneme /ae/
Evaluation:	1. Nine pupils were able to achieve the lesson objective.
Reflection:	2. Three pupils are slow learners and they are being coached constantly.

Nota:

Contoh Modul Bahasa Inggeris ini menerapkan elemen keusahawanan secara **Pendekatan Pengintegrasian**. Guru memperdengarkan bunyi-bunyi dari pelbagai haiwan dan murid diminta untuk meneka haiwan yang mengeluarkan bunyi tersebut. Dengan menggunakan daya kreativiti (**EK1 – 1.4 Daya kreativiti dan inovasi**), murid akan memberi jawaban yang diperlukan. Guru memberi peluang kepada murid untuk mengajuk bunyi-bunyi haiwan yang mereka ketahui (**EK2- 2.1 Amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan**).

Dalam aktiviti ke-5, sebelum murid membuat aktiviti padanan gambar dengan perkataan, guru boleh meminta murid menyusun kad-kad gambar dalam barisan selari dengan kad perkataan agar murid dapat membuat padanan dengan cepat. Ini adalah kaedah menerapkan elemen ke-3 (**EK3 – 3.1 Merancang sesuatu projek dengan teliti**).

DUNIA SENI VISUAL TAHUN 1

Bidang:	Menggambar : Lukisan
Tema:	Alam Benda : Rumah
Masa:	60 minit
Standard Pembelajaran:	<ul style="list-style-type: none">1.1 Persepsi Estetik<ul style="list-style-type: none">1.1.1 Unsur Seni<ul style="list-style-type: none">1.1.1.1 Garisan – Selari (olahan garisan yang menghasilkan rupa)1.1.1.2 Rupa – Organik dan geometri (dihasilkan daripada garisan)1.1.1.3 Warna – primer (biru, kuning dan merah)1.1.2 Prinsip Rekaan<ul style="list-style-type: none">1.1.2.1 Imbangan - ruang1.2 Aplikasi Seni<ul style="list-style-type: none">1.2.1 Media Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media1.3 Ekspresi Kreatif<ul style="list-style-type: none">1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif1.3.2 Menggunakan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya1.4 Apresiasi Seni<ul style="list-style-type: none">1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan1.4.2 Menceritakan karya sendiri secara lisan1.4.3 Menghargai karya sendiri dan rakan
Objektif Pembelajaran:	Pada akhir pembelajaran murid dapat: <ul style="list-style-type: none">1. mengenal, menamakan, dan memahami bahasa seni visual yang ada pada karya seni;2. mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran bahasa seni visual dalam menghasilkan karya seni;3. membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual.
Aktiviti:	<ul style="list-style-type: none">1. Murid membuat penerokaan jenis-jenis garisan menggunakan media yang ditetapkan;2. Murid menghasilkan lukisan menggunakan garisan selari dan melengkung (EK1 – 1.4);3. Murid mempamerkan karya seni yang dihasilkan (EK4 – 4.1, 4.2) dan menceritakan pengalaman mereka ketika melakukan aktiviti (EK2 – 2.3, 2.4, 2.7; EK5- 5.1, 5.3).
EMK:	<ul style="list-style-type: none">1. Kreativiti dan inovasi2. Keusahawanan (EK1, EK2, EK3, EK4, EK5)3. Nilai Murni
Bahan/Sumber:	<ul style="list-style-type: none">1. Dokumen Standard2. Bahan Panduan Pengajaran3. Buku Sumber Guru KBSR4. Contoh-contoh garisan, gambar rumah

5. Kertas lukisan, pensel warna, pensel HB, dan pensel 2B

Penilaian p&p:

1. Proses
2. Hasil karya

Refleksi:

Pada akhir pembelajaran:

1. ___ daripada ___ orang murid dapat mengenal, menamakan, memahami, mengaplikasi pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran bahasa seni visual yang ada pada karya seni yang dihasilkan;
2. ___ daripada ___ orang murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual;
3. Bagi murid yang tidak mencapai objektif, bimbingan khas akan diberi dalam sesi pembelajaran yang akan datang.

Nota:

Pendekatan yang dipilih dalam contoh rancangan pelajaran ini ialah **Pendekatan Penyebatian**. Guru boleh memulakan proses penerapan bermula dari aktiviti yang ke-2. Sewaktu murid menghasilkan lukisan menggunakan garisan selari dan melengkung, guru boleh meminta murid menggunakan daya kreativiti (**EK1 – 1.4 Daya kreativiti dan inovasi**) masing-masing bagi menghasilkan lukisan yang cantik.

Semasa murid mempamerkan hasil karya masing-masing, guru mengulas tentang teknik yang telah dipelajari ini boleh digunakan untuk menghasilkan lukisan yang menarik (**EK4 – 4.1 Menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta teknologi dan vokasional**). Murid juga dimaklumkan tentang lukisan yang sama boleh dihasilkan dengan teknik yang berlainan (sekiranya berkaitan) (**EK4 – 4.2 Menghasilkan produk yang sama dengan menggunakan teknologi yang berlainan**).

Dalam masa murid menceritakan pengalaman ketika melakukan aktiviti ini, guru boleh memberi penegasan bahawa murid telah menggunakan kemahiran berfikir dalam membuat analisis terhadap garisan yang ditimbulkan dalam bentuk idea dan dilaksanakan dalam bentuk hasil lukisan tersebut (**EK2 – 2.2 Menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif, 2.3 Menghasilkan idea dari pemerhatian, 2.7 Melaksanakan idea dalam bentuk produk teknologi abstrak atau konkrit**). Dalam masa murid membuat aktiviti, sekiranya terdapat murid yang cuba untuk merosakkan karya rakan yang lain, guru boleh menerapkan elemen keusahawanan ke-lima, (**EK5 – 5.3 Amalan menghormati hak manusia**). Murid diminta untuk mengemas peralatan kerja masing-masing setelah aktiviti berakhir agar persekitaran kelas tetap bersih dan teratur (**EK5 – 5.1.1 Menjaga kesejahteraan masyarakat dan persekitaran dari aspek fizikal dan emosi individu**).

DUNIA MUZIK TAHUN 1

Masa:	30 minit	
Standard Pembelajaran:	1.1.4	Menyanyi mengikut tempo – cepat -lambat
	1.3.1	Membuat pergerakan berdasarkan dinamik, pic, tempo dan bunyi - dinamik kuat/ lembut - pic tinggi/ rendah - tempo cepat/ lambat - bunyi panjang/ pendek
Objektif Pembelajaran:	Pada akhir pembelajaran murid dapat:	
		1. Menyanyi Lagu Selamat Pagi mengikut tempo. 2. Menepuk detik lagu Selamat Pagi.
Aktiviti:		1. Memberi pemahaman mengenai tempo cepat dan lambat melalui gambar(askar dan orang tua). Membezakan cara kedua-dua berjalan. 2. Perdengarkan lagu “Selamat Pagi” bertempo lambat dan perkukuhkan dengan pelbagai aktiviti menepuk diikuti dengan nyanyian. 3. Perdengarkan lagu “Tanggal 31” bertempo cepat sambil melakukan aktiviti berkawad bagi merasai perbezaan tempo. 4. Pelbagaikan aktiviti gerakan lambat dan cepat bagi merasai perbezaan tempo untuk lagu-lagu yang dinyanyikan. (EK1 – 1.4; EK2 – 2.1, 2.2, 2.3)
EMK:		1. Kreativiti 2. Nilai Murni 3. Pendidikan Alam Sekitar 4. Elemen Keusahawanan EK1, EK2
BBM/Media:		1. CD 1 : Track 01(Selamat Pagi- vokal) Track 02(Selamat Pagi- instrumental) 2. CD 2 : Track 01(Tanggal 31- tempo cepat) Track 02(Pahlawan Ku- tempo lambat)
Penilaian p&p:		3. Kad ikon : Askar dan Orang tua
		1. Bergerak mengikut tempo cepat dan lambat. 2. Menepuk mengikut detik berdasarkan muzik yang didengar.
Refleksi:		1.1 ____ murid dapat menyanyikan lagu yang diajar dengan tempo cepat dan lambat. 1.2 ____ murid masih perlu di beri latihan dengan menyanyi pelbagai jenis lagu.
		Tindakan Susulan Membuat aktiviti nyanyian dengan pelbagai jenis lagu pelbagai tempo.
Nota:		

Guru boleh menggunakan **pendekatan pengaplikasian** dalam menerapkan elemen keusahawanan bagi topik ini. Murid diberikan kefahaman tentang tempo cepat dan lambat menggunakan dua jenis lagu tersebut. Setelah objektif tersebut tercapai, guru boleh meminta murid memikirkan tentang bagaimana lagu yang mempunyai tempo lambat diubah menjadi cepat dan sebaliknya. Ini akan menggalakkan penerapan elemen ke-2 ([EK2-2.1 Memerhati persekitaran; 2.2 Menganalisis pemerhatian dan 2.3 Menghasilkan idea dari pemerhatian](#)). Hal ini boleh dilaksanakan dengan lebih menyeronokkan kepada murid sekiranya mereka diberikan kebebasan untuk melahirkan daya kreativiti dalam menghasilkan pelbagai tempo ([EK1 – 1.4 Daya kreativiti dan inovasi](#)).

DUNIA SAINS DAN TEKNOLOGI TAHUN 1

Tema/Tajuk:	Sains Hayat/Tumbuhan
Masa:	2 waktu
Standard Pembelajaran:	4.1.3 Membanding dan membezakan bahagian satu tumbuhan dengan tumbuh-tumbuhan yang lain melalui penyiasatan 4.1.4 Mengitlak bahawa ada tumbuhan yang mempunyai ciri yang sama dan ada ciri yang berbeza 4.1.5 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan
Objektif pembelajaran:	Pada akhir p&p murid dapat: <ol style="list-style-type: none">1. membuat pemerhatian dan mengenal pasti ciri tumbuhan yang diperhatikan.2. menyatakan persamaan dan perbezaan bahagian satu tumbuhan dengan tumbuhan lain.3. membuat generalisasi ada bahagian tumbuhan yang sama dan ada bahagian tumbuhan yang berlainan.
Aktiviti:	<ol style="list-style-type: none">1. Murid di bawa ke luar bilik darjah untuk membuat pemerhatian (EK2) dan mengenal pasti bahagian-bahagian pokok keembong dan membanding beza pokok keembong dengan pokok yang dipilih dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru.2. Murid diberi pengukuhan dengan menjawab soalan secara <i>drag and drop</i> menggunakan bahan TMK yang telah disediakan.
EMK:	<ol style="list-style-type: none">1. Sikap Saintifik dan Nilai Murni- Minat dan bersifat ingin tahu tentang alam sekeliling, bekerjasama.2. KBKK/KPS- memerhati, mencirikan, membanding dan membezakan.3. Elemen Keusahawanan: (EK2; EK4)
BBM:	LCD, komputer, tumbuhan di sekeliling sekolah.
Penilaian p&p:	Menggunakan instrumen Lembaran Kerja 3 muka surat 85 (Modul p&p) sebagai kerja rumah.
Refleksi:	<ol style="list-style-type: none">1. ___ orang murid mencapai objektif pembelajaran 1 dan 2.2. ___ orang murid mencapai objektif pembelajaran 3, ___ orang diberi bimbingan.

Nota:

Guru boleh menerapkan elemen keusahawanan dengan menggunakan **pendekatan pengaplikasian**. Setelah murid selesai melaksanakan aktiviti pembelajaran, guru boleh mengeluarkan soalan untuk mendapatkan idea ([EK2 – 2.1 Memerhati persekitaran](#)) daripada murid tentang tumbuh-tumbuhan berbunga; bunga segar, selain daripada boleh dijadikan hiasan, ia juga boleh dikeringkan untuk dijadikan kelopak potpourri. Kelopak-kelopak kering ini yang direndam dalam minyak wangi boleh dijual sama ada dalam bungkus yang cantik ataupun kelopak kering terlerai. Murid diberikan peluang untuk mengeluarkan idea yang kreatif dalam mengguna semula bunga segar kerana bunga ini juga boleh dikeringkan menggunakan teknologi yang sesuai untuk digunakan sebagai penghias kad-kad hari lahir, hari bapa/ hari ibu murid tersebut. ([EK4 – 4.1 Menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta teknologi dan vokasional, 4.2 Menghasilkan produk yang sama dengan menggunakan teknologi yang berlainan](#)).

MATEMATIK TAHUN 1

Tajuk:

Nombor dan Operasi

Masa:

60 minit

Standard Pembelajaran:

- 1.1 Menyatakan kuantiti melalui perbandingan banyak atau sedikit, sama banyak atau tidak sama banyak dan lebih atau kurang secara;
 - a) Kumpulan yang mempunyai banyak dan sedikit objek
 - b) Membandingkan dua kumpulan secara padanan
 - c) Pola yang berlainan dengan menggunakan dua kumpulan objek

Objektif Pembelajaran:

Menyatakan kuantiti secara:

1. Kumpulan yang mempunyai banyak dan sedikit objek;
2. Membandingkan dua kumpulan secara padanan;
3. Pola berlainan dengan menggunakan dua kumpulan objek.

Aktiviti:

Murid Perdana:

1. Murid membezakan dua kumpulan objek maujud (yang dibuat oleh murid) yang mempunyai banyak objek dan sedikit objek.
2. Membuat padanan objek menggunakan bahan manipulatif yang mempunyai dua atribut berbeza dari segi saiz dan bentuk.
3. Meminta murid membuat dua kumpulan objek yang sama bilangan tetapi susunan yang rapat di antara satu sama lain dan susunan yang jarak antara satu sama lain (**EK2 – 2.1 Amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan**).

Murid LINUS

1. Guru membuat dua kumpulan objek yang berbeza bilangan dan meminta murid membezakan dua kumpulan objek maujud yang mempunyai banyak objek dan sedikit objek.
2. Menyusun dua kumpulan objek berbeza kuantiti dalam dua baris dan minta murid membuat padanan objek menggunakan bahan manipulatif yang mempunyai dua atribut berbeza dari segi saiz dan bentuk (**EK1 – 1.4 Daya kreativiti dan inovasi**).
3. Meminta murid memilih atau menerangkan mana yang lebih banyak di antara dua kumpulan objek yang sama bilangan tetapi susunan yang rapat di antara satu sama lain dan susunan yang jarak antara satu sama lain.

EMK:

1. Menggunakan laras bahasa yang betul semasa membuat perbincangan.
2. Elemen Keusahawanan (**EK1, EK2, EK3**)

BBM/Media:	Bahan manipulatif seperti sida, <i>Multi-link cubes</i> dan Lembaran kerja.
Penilaian p&p:	Guru menilai murid melalui pemerhatian semasa aktiviti pembelajaran dan perbincangan dalam kelas yang dijalankan.
Refleksi:	____ daripada ____ murid masih belum boleh membezakan kuantiti banyak dan sedikit bila pola berbeza ditunjukkan. Murid berkenaan akan di bimbing dalam kelas akan datang.

Nota:

Penerapan elemen keusahawanan diterapkan menggunakan **pendekatan pengintegrasian**. Guru perlu menggalakkan murid membiasakan untuk memerhati persekitaran mereka (**EK2 – 2.1**) dan sentiasa berfikiran kreatif (**EK1 – 1.4**) dalam usaha untuk melaksanakan aktiviti ini. Guru boleh membantu dengan menunjukkan objek-objek yang terdapat di persekitaran sekolah atau tempat kediaman murid. Contohnya susunan batu bata di lokasi pembinaan bangunan/ rumah; susunan salur paip air pelbagai saiz yang disusun di dalam lori pengangkut; susunan buku-buku yang terdapat di dalam perpustakaan sekolah dan murid juga diminta untuk membuat penilaian yang mana yang banyak, sama ada 5 buku roti berbanding 5 biji kuih.

BAHASA ISYARAT KOMUNIKASI TAHUN 1

Tema:	Kemahiran Pra Psikomotor
Tajuk:	Motor Kasar
Masa:	30 minit
Standard Pembelajaran:	1.1.3 Meniru pergerakan tangan yang dilakukan oleh guru atau rakan 1.1.4 Membentuk isyarat dan kod yang tepat
Objektif Pembelajaran:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat: <ol style="list-style-type: none">1. menguasai motor kasar dalam aktiviti pembelajaran;2. menyelaraskan koordinasi mata – tangan. <p>1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diterangkan tentang cara – cara asas bermain batu seremban (EK4 – 4.1). 2. Murid melakukan beberapa pergerakan seperti pergerakan pembesaran tumbuh-tumbuhan (biji benih) atau pergerakan haiwan atau pergerakan alam semula jadi seperti pergerakan angin (EK1 – 1.3, 1.4). 3. Murid bermain permainan yang telah disediakan oleh guru dalam beberapa stesen. 1. Nilai – nilai murni, kerjasama, alam sekitar; 2. Elemen Kreativiti dan Inovasi; 3. Elemen keusahawanan (EK1; EK4)</p> Doh, pundi kacang, bola kecil. Penilaian dibuat berdasarkan kepada berapa kali murid dapat menangkap pundi kacang tersebut. ____ orang murid dapat menguasai kemahiran motor kasar. ____ orang murid lagi diberi bimbingan seterusnya.
Aktiviti:	
EMK:	
BBM/Media:	
Penilaian p&p:	
Refleksi:	

Nota:

Dalam rancangan pelajaran ini, penerapan elemen keusahawanan yang diterapkan menggunakan **pendekatan pengaplikasian**.

Sewaktu guru menunjukkan asas permainan ini, guru sebenarnya telah menyediakan pengetahuan asas permainan tersebut kepada murid. Guru boleh menunjukkan teknik-teknik lambungan batu seremban yang betul. Di sini, guru boleh memaklumkan kepada murid bahawa dalam bidang permainan atau pembuatan sesuatu, murid perlu pelajari teknik yang betul untuk memperoleh kemahiran dalam bidang tersebut (**EK4 – 4.1 Menghasilkan produk (perkhidmatan) berdasarkan pengetahuan serta teknologi dan vokasional**).

Dalam aktiviti 2, murid diminta untuk membuat pergerakan yang pelbagai. Di sini, guru boleh meminta murid menggunakan daya kreativiti masing-masing (**EK1 – 1.4 Daya kreativiti dan inovasi**) dalam menghasilkan gerakan badan mengikut imaginasi mereka. Guru perlu menggalakkan murid untuk berani mencuba (**EK1 – 1.3 Berani mengambil risiko yang dianggarkan**).

KEMAHIRAN ASAS INDIVIDU MASALAH PENGLIHATAN TAHUN 1 **(BIDANG: ORIENTASI DAN MOBILITI)**

Tajuk/Tema:	4.0 Pratongkat
Masa:	60 minit
Standard pembelajaran:	4.2 Bergerak menggunakan teknik pengadang atas (<i>upperhand</i>) dan pengadang bawah (<i>lowerhand</i>) jika perlu 4.3 Bergerak menggunakan teknik menyusur (<i>trailing</i>)
Objektif Pembelajaran:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat bergerak dengan bantuan dan tanpa bantuan pemandu celik dengan selesa dan selamat.
Aktiviti:	<ol style="list-style-type: none">1. Guru bersoal jawab dengan murid tentang pengalaman mereka bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Contoh :<ul style="list-style-type: none">• Siapakah yang pernah terlanggar pintu?• Siapakah yang pernah terlanggar meja?2. Guru menunjukkan kepada murid dua teknik perlindungan diri iaitu pengadang atas dan pengadang bawah.3. Guru menunjukkan teknik tangan dan posisi badan yang betul sebelum melakukan <i>trailing</i>.4. Guru membuat simulasi bersama beberapa orang murid sebelum melakukan aktiviti tersebut.5. Murid melakukan aktiviti secara individu dengan bimbingan guru (EK1 – 1.3, 1.13).6. Guru meminta murid bergerak ke suatu tempat dengan menggunakan ketiga-tiga teknik yang telah dipelajari.7. Guru merumuskan pengajaran pada hari tersebut.
EMK:	<ol style="list-style-type: none">1. Alam sekitar, nilai murni dan bahasa2. Elemen keusahawanan: (EK1)
BBM/Media:	Halangan atas (Contoh: alat pemadam api), halangan bawah (Contoh: meja)
Penilaian p&p:	Murid diuji menggunakan teknik-teknik yang diajar untuk menghadapi situasi jika terdapat halangan dengan menggunakan borang senarai semak dan pemerhatian guru.
Refleksi:	____ orang murid telah mencapai objektif dan se orang murid masih belum menguasai. Murid tersebut akan dibimbing secara individu selepas p&p.

Nota:

Dalam contoh rancangan pelajaran ini, guru boleh menggunakan **pendekatan pengintegrasian**.

Dalam aktiviti 5, sewaktu murid melakukan aktiviti secara individu, guru boleh memberi dorongan kepada murid dengan kata-kata yang boleh menambah keberanian mengambil risiko (**EK1 – 1.3**) dan murid perlu tabah melakukan aktiviti tersebut walaupun kemungkinan perjalanan tersebut akan menghadapi halangan (**EK1 – 1.13**).

PENGURUSAN KEHIDUPAN (PENGURUSAN TINGKAH LAKU) TAHUN 1

Tajuk:	Disiplin Diri
Masa:	30 minit
Standard pembelajaran:	1.2.1 Mendengar arahan lisan yang diberi 1.2.2 Melaksanakan arahan yang diberi
Objektif pembelajaran:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat: 1 Mematuhi arahan dengan betul; 2 Mencantum <i>jigsaw puzzle</i> dengan betul. 1. Bersoal jawab dengan guru tentang klip video kawad kaki. 2 Melakukan arahan lisan yang disebut oleh guru: a. Angkat tangan kanan/ kiri; b. Bangun; c. Duduk. 3 Melakukan arahan lisan yang disebut oleh guru secara individu: a. Angkat tangan kanan/ kiri; b. Bangun; c. Duduk. 4 Mengambil sebiji bola di dalam bakul mengikut warna yang di sebutkan oleh guru. 5 Memasukkan bola tersebut di dalam kotak mengikut warna yang telah ditetapkan. 6 Mencantumkan <i>jigsaw puzzle</i> (EK1 – 1.13). 7 Murid menyanyikan lagu ‘Kalau Rasa Gembira’ dengan bimbingan guru. 1. Patriotisme, nilai-nilai murni dan bahasa; 2. Elemen kreativiti dan inovasi; 3. Elemen keusahawanan (EK1)
EMK:	VCD, bola kecil, bakul, kotak berwarna, <i>Jigsaw Puzzle</i>
BBM/ Media:	Murid diuji mematuhi arahan dengan menggunakan borang senarai semak dan pemerhatian guru.
Penilaian p&p:	
Refleksi:	_____ daripada _____ orang murid telah dapat menguasai standard pembelajaran dan 2 orang murid lagi akan diberi bimbingan secara individu selepas p&p.

Nota:

Pendekatan Pengaplikasian digunakan di dalam contoh rancangan pelajaran ini. Dalam aktiviti 4, 5 dan 6, guru boleh memberi galakkan kepada murid untuk melaksanakan arahan yang diberi oleh guru walaupun melakukan banyak kesilapan (**EK1 – 1.13**).

ENGLISH (YEAR 2 & YEAR 3) –SK & SJK

Time:	90 mins/60 mins
Focus:	Language Arts
Theme:	World of Knowledge
Topic:	Let's Talk (Teacher's Day)
Introduction:	This lesson focuses on language arts. Pupils should be able to create a greeting card individually.
Content Standard:	4.3 By the end of the lesson, pupils will be able to plan, organize and produce creative works for enjoyment.
Learning Standard:	4.3.1 Able to produce simple creative works with guidance based on (a) action song c) stories – role play
Objectives:	By the end of this lesson, pupils should be able to create a greeting card individually.
EMK:	EK1 – 1.1, 1.4, 1.6, 1.8, 1.14 EK3 – 3.2 EK4 – 4.1, 4.2
Teaching aids:	Manila cards, pencil colours, crayons , coloured papers, scissors, glue, ribbons, buttons, stardust (any suitable materials), sample of 'Teacher's Day' cards
Activities :	<ol style="list-style-type: none">1. Singing an action song entitled 'Thank you, teacher'.2. Teacher shows a picture chart on Teacher's Day.3. Pupils talk about the event in the picture. (EK1 – 1.6)4. Teacher lists down the activities on how to appreciate their teachers on Teacher's Day on the board.5. Teacher picks the idea of giving greeting cards to their teachers as a token of appreciation.6. Teacher shows a few samples of Teacher's Day greeting card.7. Pupils create their own greeting cards using their own creativity. (EK1-1.1, 1.4 & EK4 – 4.1 & 4.2)8. Pupils show their greeting cards to their friends.9. Teacher picks a few cards and let the pupils select the most beautiful card. (EK1 – 1.8)10. Role Play – pair work. 'Selling and Buying' activities using "Monopoly money".

11. Sentence pattern:
A: How much is the card?
B: It is RM2.00.
A: Here you are.
B: Thank you.
A: You are welcome.
- (EK1-1.8 & 1.14 & EK3 – 3.2)**

- EMK:
1. Good value and politeness
 2. Entrepreneur Element **(EK1, EK 3, EK 4)**

Nota:

Contoh Modul Bahasa Inggeris ini menerapkan elemen keusahawanan secara Pendekatan Pengintegrasian. Murid menyiapkan tugas sehingga selesai.

Ketika aktiviti p&p yang ketiga **(EK1 – 1.6)** - keinginan kepada maklum balas segera. Murid dikehendaki memberi maklum balas kepada pertanyaan guru.

Dalam aktiviti p&p yang ke tujuh **(EK1 – 1.1 & 1.4)** Murid bertanggungjawab terhadap keputusan serta berdaya kreativiti dan inovasi) dengan mereka cipta kad ucapan mengikut kreativiti masing-masing.

Menerusi aktiviti ini juga, penerapan **(EK4 - 4.1)** menghasilkan produk berasaskan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional dan **(EK4 – 4.2)** menggunakan teknologi berlainan untuk menghasilkan produk yang sama) memberi peluang kepada murid menghasilkan kad bukan hanya secara manual tetapi boleh juga menggunakan kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sekiranya mereka mahir menggunakan komputer. (Jika guru menjalankan aktiviti di makmal komputer).


Dalam aktiviti p&p ke sembilan, elemen keusahawanan **(EK1 – 1.8)** kesanggupan belajar daripada kesilapan) murid menerima hakikat dan pandangan bahawa kad rakan mereka adalah yang terbaik dan tercantik.

Dalam aktiviti p&p ke-10, elemen keusahawanan ke tiga **(EK3 – 3.2)** , melaksanakan projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan) boleh diterapkan dengan jelas sewaktu aktiviti main peranan sebagai penjual dan pembeli. Murid melaksanakan aktiviti secara berpasangan sebagai penjual dan pembeli.**(EK1-1.8)** menerapkan elemen kesanggupan belajar daripada kesilapan di mana murid bersedia menerima teguran dan pandangan daripada orang lain dan sanggup mengubah tindakan tersebut dan juga **(EK1 – 1.14)** boleh membina jaringan sosial) dimana murid boleh dan dikehendaki berkomunikasi dengan baik dan mesra dengan semua orang.



Happy Teachers
Day!





BAHASA MALAYSIA TAHUN 2 SK

Tema/Tajuk:	Kebudayaan - Kuih Tradisional
Masa:	7.30 – 8.30 pagi
Standard Kandungan	1.5 Bercerita dan menceritakan sesuatu perkara semula dengan tepat menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.
Standard Pembelajaran:	1.5 <u>Bercerita</u> tentang sesuatu perkara dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat majmuk.
Objektif:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat: <ol style="list-style-type: none">1. <u>bercerita tentang kuih tradisional</u> yang digemari menggunakan ayat majmuk dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.2. <u>bercerita tentang pengalaman</u> membeli kuih di pasar malam atau gerai kuih dengan menggunakan ayat majmuk yang betul.5. Guru membawa sepiring kuih sebagai set induksi.6. Murid diberi peluang memerhati dan menamakan kuih-kuih yang dibawa oleh guru. Guru dan murid <u>bersoal jawab</u> tentang kuih tradisional dari segi kategori kuih (pedas dan manis). (EK1-1.2)7. Murid <u>bercerita tentang kuih tradisional</u> yang disukai dan menyatakan pengalaman membeli kuih di pasar malam. (EK1-1.4)8. Secara berkumpulan murid diminta menyenaraikan dan <u>menceritakan tentang kuih tradisional</u> yang terdapat dalam gambar yang diedarkan.(pedas atau manis) (EK1-1.9)9. Murid diminta secara berpasangan menyusun kuih/alatan yang telah disediakan oleh guru di atas meja dan melakonkan secara spontan situasi berjual beli. (EK1-1.9, EK2-2.5, EK3-3.2)
EMK:	Keusahawanan – (EK1-1.2, EK1.4 , EK1.9, EK2-2.5, EK3-3.2)
BBM/Media:	Bahan maujud (kuih), LCD, model duit, piring, plastik pembungkusan dan tanda harga.
Penilaian p&p: Refleksi:	Murid bercerita tentang kuih-kuih tradisional yang disukai. _____ orang daripada _____ orang murid telah mencapai objektif p&p. Murid belum menguasai akan diberi bimbingan dalam aktiviti yang lain.

Nota:

Contoh Modul Bahasa Malaysia ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Pengintegrasian**. Proses p&P yang dicadangkan tidak secara terus membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan elemen keusahawanan tetapi di antara aktiviti-aktiviti p&p diterapkan elemen keusahawanan dengan cara meminta pandangan murid dalam situasi berkaitan.

Dalam aktiviti p&p 1: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama (**EK1.2 Peka kepada peluang - suka mengambil tahu**) dalam aktiviti p&p 2, murid diminta bersoal jawab untuk menyatakan nama-nama kuih yang dibawa oleh guru dan untuk mendapatkan maklumat tentang kuih tradisional yang pedas atau yang manis.

Seterusnya, elemen keusahawanan (**EK1.4 Daya kreativiti dan inovasi - boleh memberi banyak idea**). Semasa aktiviti bercerita tentang kuih tradisional yang digemari, murid dapat menyatakan idea mereka secara kreatif dan inovatif contohnya berkenaan pembungkusan kuih tradisional. Murid juga boleh bercerita tentang pengalaman mereka semasa membeli kuih di pasar malam atau gerai menjual kuih-muih. Guru akan membimbing murid bertutur menggunakan ayat majmuk yang betul semasa bercerita dan secara bertatasusila.

Untuk aktiviti p&p 5 dan 6, elemen keusahawanan (**EK1.9 Berkeupayaan memimpin - boleh bekerjasama dalam kumpulan, boleh bertolak ansur**) murid dibimbing melaksanakan tugasan dengan mengamalkan sikap bekerjasama, bertoleransi semasa aktiviti kumpulan. Seterusnya, elemen keusahawanan ke dua dalam aktiviti p&p 6; (**EK2.5 Menambahbaik idea yang dipilih (inovasi) - boleh mencadangkan cara/teknik/strategi/idea/kaedah yang lebih baik, EK3.2 Melaksana projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan - berupaya menjalankan tugasan mengikut perancangan**) murid diminta melakonkan watak mengikut petikan dialog yang diberi. Elemen keusahawanan boleh diterapkan dengan jelas sewaktu aktiviti murid memainkan peranan sebagai penjual dan pembeli. Selain itu, aktiviti ini dapat melahirkan murid yang lebih kreatif untuk memastikan strategi, cara atau kaedah yang digunakan untuk menarik perhatian pelanggan atau pembeli.

BAHASA MALAYSIA TAHUN 2 (SJKC/SJKT)

Tema/Tajuk	Kraftangan Malaysia
Masa:	7.30 – 8.30 pagi (60 minit)
Standard	1.4
Kandungan:	Bertutur, berbual dan menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.
Standard Pembelajaran:	1.4.1 Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.
Objektif:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat: 3. berbual tentang pengalaman melawat tempat menarik semasa cuti sekolah dan membeli cenderamata dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul secara bertatasusila. 4. menyatakan barang kraftangan yang dilihat dijual di gerai cenderamata dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul. 10. Murid berbual tentang pengalaman melawat tempat menarik semasa cuti sekolah dan membeli barang cenderamata. (EK1-1.4) 11. Murid menyoal dengan kata tanya yang diberi. (EK1-1.2) 12. Murid menjawab soalan sebagai maklum balas. (EK1-1.6) 13. Murid membaca petikan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul. 14. Murid melakonkan dialog jual beli cenderamata secara kumpulan atau berpasangan . (EK3-3.2 , EK5-5.1)
EMK:	Keusahawanan – (EK1-1.4, EK1.2, EK1.6, EK3-3.2, EK5-5.1)
BBM/Media:	Buku teks, petikan dialog, komputer.
Penilaian p&p:	Murid berbual berdasarkan tajuk yang diberi dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk yang betul secara bertatasusila.
Refleksi:	_____ orang daripada _____ orang murid telah mencapai objektif p&p. _____ orang murid belum menguasai diberi bimbingan dalam aktiviti yang lain.

Nota:

Contoh Modul Bahasa Malaysia ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Pengaplikasian**. Setelah selesai melaksanakan aktiviti pembelajaran, guru boleh mengadakan aktiviti simulasi dengan melibatkan murid main peranan sebagai penjual dan pembeli.

Dalam aktiviti p&p 1: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama (**EK1.4 – Daya kreativiti dan inovasi – boleh memberi banyak idea**). Semasa aktiviti berbual tentang pengalaman murid melawat tempat-tempat menarik, murid diminta menceritakan pengalaman mereka dengan menggunakan daya kreativiti mereka sendiri dan guru membimbing murid bertutur dengan ayat tunggal dan ayat majmuk yang betul.

Seterusnya, elemen keusahawanan (**EK1.2 – Peka kepada peluang- suka mengambil tahu**) dalam aktiviti p&p 2, murid diminta menyoal rakan untuk mendapatkan maklumat tentang tempat yang dikunjungi dan untuk mengetahui pengalaman lawatan mereka dan menyatakan cenderamata yang dibeli atau terdapat di tempat tersebut. Murid juga boleh bertanya tentang barang cenderamata yang dijual dan suasana di gerai-gerai atau kedai-kedai yang menjual cenderamata.

Di sini, untuk aktiviti p&p 3, elemen keusahawanan (**EK1.6 – keinginan kepada maklum balas segera - memberi reaksi segera apabila diminta**) rakan yang disoal akan memberi respons dengan menjawab pertanyaan rakan. Seterusnya, elemen keusahawanan ke tiga dalam aktiviti p&p 5; (**EK3.2 – Melaksanakan projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan - berupaya menjalankan tugas mengikut perancangan**) murid diminta menyatakan barang cenderamata yang ingin dijual jika mereka ingin bermula. Murid diminta melakonkan watak mengikut petikan dialog yang diberi. Elemen keusahawanan boleh diterapkan dengan jelas sewaktu aktiviti main peranan sebagai penjual dan pembeli. Selain itu, elemen keusahawanan kelima;

(**EK5.1 – Prinsip tanggungjawab sosial - mengelak perselisihan faham, EK5.2 – Prinsip keadilan -membahagikan tugas sama rata**) semasa aktiviti ini dapat memupuk nilai positif dengan mengamalkan sikap keusahawanan yang bertanggungjawab dan jujur semasa berurus niaga.

نموذج خطة الدرس اليومية لمادة اللغة العربية للصف الثاني

المادة	1	اللغة العربية / الصف الثاني بودي
الموقف / الموضوع	2	: الأدوات الدراسية / قلم ، ممسحة ، مبراة ، مقلمة ، طبشوره ، حقيبة
الزمن	3	: 9,00 – 8,00 صباحا (حستان)
معيار التعلم	4	: 6.1,6.6,3.1
الأهداف	5	<p>أ. إستماع إلى الكلمات " قلم ، ممسحة ، مبراة ، مقلمة ، طبشوره ، حقيبة " إستماعا سليما.</p> <p>ب. نطق الكلمات (قلم ، ممسحة ، مبراة ، مقلمة ، طبشوره ، حقيبة) نطقا صحيحا</p> <p>ج. تسمية الأشياء المدرosaة في دكان المدرسة تسمية صحيحة</p> <p>أ. يتخيل التلاميذ الكلمات " قلم ، ممسحة ، مبراة ، مقلمة ، طبشوره ، حقيبة " ثم نطقها.</p> <p>ب. يسمع المعلم النطق النموذجي للكلمات المدرosaة إلى التلاميذ ثم يحاكي التلاميذ الكلمات المجموعة.</p> <p>(EK1 – 1.5)</p> <p>ج. ينطق التلاميذ الكلمات المدرosaة فرديا وفجويأ وجماعيا.</p> <p>(EK1 – 1.8)</p> <p>د. يطلب المعلم من التلاميذ تسمية الأشياء المدرosaة في دكان المدرسة.</p> <p>(EK5 – 5.5)</p> <p>العناصر عبر المناهج 7 : التجارية</p> <p>الوسائل المعينة للتعليم 8 : سلайд باوربوينت</p> <p>تقييم التعليم والتعلم 9 : تقييم قدرة التلاميذ على تعين الكلمات المجموعة وقدرتهم على نطقها وتسميتها حسب الأشياء الموجودة .</p> <p>الملاحظة الذاتية 10 : تسعه (9) تلاميذ لا يقدرون على اكتساب الأهداف الدراسية. أما التلاميذ الآخرون يقدرون على نطق الكلمات المجموعة المدرosaة وتسميتها حسب</p>

الأشياء الموجودة.

سأكرر هذا الدرس على تسعه تلاميذ الذين لم يبلغوا الأهداف المرجوة من الدرس قبل الحصة الآتية.

Nota:

Contoh modul Bahasa Arab ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Pengintegrasian**. Aktiviti p&p secara terus melibatkan main peranan murid menjadi pembeli di kedai sekolah.

Dalam aktiviti p&p 2: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama

(EK1 – 1.5 Fleksibiliti – boleh menyesuaikan diri dalam apa jua situasi.

- bersedia mendengar dan di dengar).

Selepas murid mendengar perkataan yang disebut oleh guru, murid bersedia mengulang perkataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa murid bersedia mendengar dan boleh menyesuaikan diri dengan situasi sebenar.

Dalam aktiviti p&p 3: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama

(EK1 – 1.8 Kesanggupan belajar dari kesilapan – bersedia menerima teguran/ pandangan orang lain).

Selepas murid diperdengarkan oleh guru perkataan-perkataan Bahasa Arab, murid diminta menuturkan kembali perkataan tersebut. Jika terdapat kesalahan dalam menuturkannya, guru akan membetulkan kesilapan murid agar murid dapat belajar daripada kesilapan.

Dalam aktiviti p&p4: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan kelima (EK5 – 5.5 prinsip ketelusan – murid menyatakan/menyampaikan maklumat dengan jelas).

Guru membawa murid-murid ke kedai sekolah. Di sana mereka diminta untuk membeli peralatan menulis yang telah dipelajari sambil menyatakan nama peralatan tersebut dalam Bahasa Arab. Dengan ini murid dapat menyatakan maklumat dengan jelas dengan dibantu oleh benda maujud.

MATEMATIK TAHUN 2

Tema/Tajuk:

Bahagi

Masa:

8.10 – 9.10 pagi (60 minit)

Standard Pembelajaran: 5.1 (iii) Menulis ayat matematik berdasarkan aktiviti
(a) pengumpulan.

Objektif Pembelajaran: Murid dapat menulis ayat matematik berdasarkan aktiviti pengumpulan.

Aktiviti:

1. Murid menyusun dan mengagihkan bilangan objek mengikut kumpulan masing-masing. Rujuk Kad Gambar **(EK1 –1.2, 1.4; EK2 – 2.1, EK3-3.1, EK5-5.3)**
2. Objek dibahagi sama banyak mengikut kumpulan dua-dua.
3. Semua murid dikumpulkan di hadapan kelas sebelum aktiviti dimulakan. Murid perlu memahami arahan yang diberi oleh guru sebelum memulakan aktiviti/permainan yang melibatkan operasi bahagi.
4. Murid diminta melengkapkan petak kosong pada lembaran kerja dengan nombor dan simbol bahagi. **(EK1-1.1, 1.3, 1.4, 1.6)**
5. Murid menulis ayat matematik dengan lengkap berdasarkan aktiviti. **(EK1 – 1.1, 1.8)**
6. Meminta murid mengulangi aktiviti pengumpulan dengan kumpulan-kumpulan 4, 5 dan 10. **(EK1 -1.2, 1.10)**
7. Murid dapat menulis ayat matematik dengan lengkap berdasarkan aktiviti-aktiviti pengukuhan seperti perkara (5) di atas. Rujuk Lembaran Kerja. **(EK3 – 3.2, 3.4)**

EMK:

Keusahawanan **(EK1, EK2, EK3, EK5)**

BBM:

Kad gambar, Lembaran Kerja

Penilaian p&p:

Penilaian dilakukan semasa sessi soal jawab dalam p&p dan perbincangan dalam bilik darjah.

Refleksi:

85.7% objektif pembelajaran tercapai. ___ daripada ___ orang murid yang belum mencapai objektif akan dibimbing dalam sesi pembelajaran akan datang secara individu atau kumpulan kecil melalui aktiviti pengukuhan.

Nota:

Guru menggunakan **pendekatan pengaplikasian** di mana setelah proses p&p dijalankan dan objektif pengajaran tercapai, guru mengaplikasikan elemen-elemen keusahawanan **EK1, EK2, EK3 dan EK5** yang boleh dihubungkaitkan pelajaran ini dengan situasi keusahawanan yang sebenar.

Guru memulakan tajuk ‘Bahagi’ dengan memperkenalkan konsep Bahagi secara pengumpulan. Sebagai Pengenalan atau set induksi, guru boleh mencadangkan objek-objek yang boleh dilibatkan dalam proses Bahagi seperti beberapa batang kayu aiskrim dan straw minuman yang boleh diperolehi dari persekitaran sekolah dan rumah. Ini akan melibatkan **EK1-1.2 Peka kepada peluang; murid tahu menggunakan sumber**. Dalam usaha mencari bahan yang sedemikian, **EK1 – 1.4** murid dapat diterapkan dengan **Daya kreativiti dan inovasi**; murid dapat mengamalkan cara berfikir ke arah **keusahawanan** dalam situasi yang diperlukan iaitu murid boleh mendapatkan dan mengumpul maklumat. **EK2-2.1** murid suka memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan.

Murid boleh mendapat bahan yang diperlukan dari persekitaran untuk p&p, semasa murid menyusun dan mengagihkan objek-objek, sebenarnya sedang diterapkan **EK3-3.1** iaitu mengamalkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan asas jual beli yang mudah dalam aktiviti kehidupan seharian yang relevan - merancang sesuatu projek dengan teliti.

EK5–5.3: Mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan - Prinsip Hak Manusia adalah turut diterap di mana murid akan menyayangi dan menjaga barang sendiri atau rakan sekolah.

Seterusnya, guru meminta semua murid membahagikan objek-objek sama banyak mengikut kumpulan dua-dua. Bagi memantapkan kefahaman konsep bahagi, aktiviti melibatkan pergerakan semua murid dalam bilik darjah diadakan -permainan melibatkan pembahagian kumpulan.

Setelah aktiviti pengumpulan dijalankan oleh murid, mereka perlu membuat keputusan dan menulis jawapan dalam bentuk ayat matematik yang betul.

Hasil dari melengkapkan petak-petak kosong pada lembaran kerja murid, maka terhasillah ayat matematik yang lengkap; **EK1–1.8 Kesanggupan belajar daripada kesilapan – murid bersedia menerima teguran dan bersedia mengubah keputusan yang silap**. Elemen ini juga amat penting dalam keusahawanan.

Sebagai aktiviti pengukuhan, murid meneruskan aktiviti dengan pengumpulan 4-4, 5-5 dan 10-10.

Akhir sekali, murid dapat menulis ayat matematik yang lengkap dengan baik setelah mengikuti semua langkah-langkah yang ditetapkan oleh guru. **EK3 – 3.2 Melaksanakan projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan; murid berupaya menjalankan tugasan mengikut perancangan**. Satu elemen keusahawanan yang jika dilaksanakan, pasti akan berjaya.

رنهاغن فلاجرن هارين

فندىدىيقىن اسلام تاھون 2

فندىدىيقىن اسلام	مات فلاجرن
سېرىھ	بىدغ
فکرجاءن نېي محمد (ص) سېلۇم منجادىي رسول	تىما/تاجوق
9.30 – 9.00 فاکي (30 مىنيت)	ماس
4) مهمىي دان مغمىبل اعتبار درف د فکرجاءن نېي سېلۇم دلانىق منجادىي رسول.	ستندرد كاندوغۇن
4.1.1 4 مىاتاکن فکرجاءن نېي سېلۇم دلانىق منجادىي رسول.	
4.1.2 4 مىاتاکن فكتور ۲ يغ مندوروغ نېي منجالىنکن فکرجاءن.	ستندرد فمبلاجرن
4.1.3 4 مىاتاکن اخلاق نېي كتىك منجالىنکن فرنىياكاءن	

<p>1. كورو منونجوچكىن كىمېر سواسان سدۇر برجوالبلى ذ قاسر مالىم ذان كورو مغاەيتىكىن دغۇن تاجوق دان قنراعن ايسيي قلاجران. موريد مىتاڭن سىمۇلا قىكىرىجأن نېي سېلۇم منجادىي رسول.</p> <p style="text-align: center;">(EK2-2.1)</p> <p>2. قربىنحاغن فكتور يغ مندوروغ نېي منجالنىڭن فكترىجأن دان موريد مىبىوت سىمۇلا.</p> <p style="text-align: center;">(EK1-1.6)</p> <p>3. موريد مغكاتىيكۈرىيەن ادب كىتىك بىرىنىاك دان كورو مغاەيتىكىن دىعن اخلاق نېي سىماس بىرىنىاك.</p> <p style="text-align: center;">(EK2-2.2)</p>	<p>اكتىيوتىي قىي & قى</p>
<p>كاؤسهاونن: (EK 1)</p> <p>1.6 كايىعىنن كەند معلوم بالسى سكرا</p>	<p>ايلىمن مىنلىقىسىز</p> <p>كۈرىكۈلۈم</p>

كاؤسهاونن : (EK2)	
2.1 عملن مرهاتي فرسكتاران دغун سعاج دان برتوجوان 2.2 ليسيس فمرهاتين سحارا كريتيس دان كرياتيف	
كومفيوت، فاورفوعين، لمبرن كرجا، كد ايمباسن	باهن بنتو معاجر
موريد ميبوت تنتغ فكرجاءن ٢ نبي سبلوم دلانتيق منجادي رسول بردارسكن سوالن يغ داجوكن.	فنيلاين فعاجرن دان فمبلاجرن
35 درف 38 اورغ موريد تله منخافاي او بجيكتيف فعاجرن دان فمبلاجرن . موريد يغ بلوم مغواساءي ا肯 دبri بيمبيعن دالم اكتيوتي يغ لاءين.	ريفليكسسي

Nota:

Contoh modul Pendidikan Islam ini menerapkan elemen keusahawanan dengan pendekatan pengintegrasian.

Dalam aktiviti p&p 1, (**EK2 – 2.1**) amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan) murid dikehendaki memberi maklum balas kepada pertanyaan guru tentang gambar yang ditunjukkan.

Dalam aktiviti p&p ke dua, (**EK1 – 1.6**) keinginan kepada maklum balas segera murid memberi reaksi segera apabila diminta ke atas faktor yang mendorong nabi untuk bekerja.

Dalam aktiviti p&p ke tiga, elemen keusahawanan (**EK2 – 2.2**) menganalisis secara kritis dan kreatif) murid menilai akhlak yang baik dan sebaliknya dengan mengklasifikasikan kad imbasan.

DUNIA SAINS DAN TEKNOLOGI TAHUN 2

Tema/Tajuk:	Sains Hayat – Inilah Hasil Tanganku
Masa:	7.30 – 8.00 pagi
Standard Kandungan:	2.1 Memahami haiwan mempunyai keperluan asas untuk hidup
Standard Pembelajaran:	2.1.5 Mengenalpasti tempat perlindungan haiwan seperti sarang, reban, lubang, atas pokok, kandang , gua, dalam air, dalam tanah, dicelah batu/kayu.
Objektif:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat mengenal pasti tempat tinggal burung (sarang).
Aktiviti:	<ol style="list-style-type: none">15. Bunyi16. Guru meminta murid menyatakan keperluan asas haiwan berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka.17. Guru menceritakan tentang jenis-jenis sarang.18. Guru menjelaskan kepada murid yang mereka akan membuat 'sarang burung' dengan menggunakan bahan-bahan yang telah disediakan oleh guru. (EK4-4.2)19. Guru menunjuk cara membuat sarang burung dengan melekatkan rumput-rumput kering pada mangkuk kertas sehingga bentuk sarang burung terhasil.20. Guru meminta murid membuat sarang burung mengikut kreativiti masing-masing dengan menggunakan sama ada mangkuk kertas, bekas sabun pencuci pinggan atau bekas marjerin. (EK1-1.4; EK4-4.3)21. Guru meminta murid menjelaskan hasil kerja masing-masing. (EK2-2.4, EK2- 2.5)22. Guru meminta murid meletakkan hasil kerja mereka di belakang kelas dan dilabelkan dengan nama masing-masing.23. Guru membuat penilaian terhadap hasil kerja murid.
EMK:	Keusahawanan – EK1, EK2 dan EK4
BBM/Media:	<ol style="list-style-type: none">1. Gambar sarang burung2. Beg kertas, pembungkus kertas, bekas plastik3. Gam4. Rumput dan ranting kering
Penilaian p&p:	Murid membina sarang burung untuk dinilai hasil kerja oleh guru
Refleksi:	___ orang daripada ___ orang murid telah mencapai objektif p&p. Murid belum menguasai akan diberi bimbingan dalam aktiviti yang lain.

Nota:

Rancangan pengajaran ini menerapkan elemen keusahawanan dengan menggunakan **pendekatan penyebatian**. Semasa murid melaksanakan aktiviti pembelajaran, guru boleh mengeluarkan soalan untuk mendapatkan idea **(EK4-4.2 menggunakan teknologi yang berlainan untuk menghasilkan produk yang sama)** daripada murid tentang pembuatan sarang burung, daripada bahan- bahan terbuang yang dirasakan boleh dijadikan sarang burung.

Contoh soalan:

1. Apakah bahan yang digunakan oleh burung untuk membuat sarangnya?
2. Bagaimana cara burung itu membuat sarang?
3. Selain dari daun dan ranting apakah bahan lain yang boleh dijadikan sebagai sarang burung?
4. Kenapa sarang burung mempunyai bentuk dan saiz yang tertentu?

(EK1-1.4 daya kreativiti dan inovasi, EK4-4.3 menggunakan sumber yang pelbagai)

Murid diberikan peluang untuk mengeluarkan idea yang kreatif bagi menggunakan semula bahan- bahan terbuang yang sesuai untuk menghasilkan sarang burung.

(EK2-2.4 memilih idea terbaik daripada banyak idea, EK2-2.5 menambahbaik idea yang dipilih). Peluang diberikan kepada setiap murid untuk berkongsi pendapat dan idea untuk menghasilkan satu sarang burung yang menarik, kemas dan kukuh.

DUNIA SENI VISUAL TAHUN 2

Bidang:	Membentuk dan membuat binaan
Tema:	Alam Benda: Topeng Muka
Masa:	60 minit
Standard Kandungan:	<ul style="list-style-type: none">3.1 Persepsi Estetik<ul style="list-style-type: none">3.1.1 Unsur Seni<ul style="list-style-type: none">3.1.1.1, 3.1.1.2, 3.1.1.33.1.2 Prinsip Rekaan<ul style="list-style-type: none">3.1.2.1, 3.1.2.23.2 Aplikasi Seni<ul style="list-style-type: none">3.2.1 Media<ul style="list-style-type: none">3.2.1.1 Alatan (gunting)3.2.1.2 Bahan(Kad manila,krayon,gam,pen marker,getah)3.2.2.1 Teknik -Membentuk3.3 Ekspresi Kreatif<ul style="list-style-type: none">3.3.1 Pilih bahan dan memanipulasinya secara kreatif3.3.2 Guna unsur seni dlm karya3.3.3 Menggunakan unsur dan prinsip seni dalam karya3.4 Apresiasi Seni<ul style="list-style-type: none">3.4.1 Pamer karya dan menggayakan topeng3.4.2 Ceritakan karya secara lisan3.4.3 Hargai karya
Standard Pembelajaran:	Pada akhir pembelajaran murid dapat: <ul style="list-style-type: none">4. mengenal, menamakan, dan memahami bahasa seni visual yang ada pada karya seni;5. mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran bahasa seni visual dalam menghasilkan karya seni;6. membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berbandukan bahasa seni visual.
Aktiviti:	<ul style="list-style-type: none">4. Murid membuat penerokaan jenis-jenis topeng, rupa, bentuk dan olahan warna (EK 2-2.1, 2.2, 2.3, 2.4, 2.5)5. Murid menghasilkan topeng muka menggunakan media yang sesuai dan dapat mengolah warna dengan kreatif. (EK3- 3.1, 3.2, 3.3, 3.4, EK4 – 4.1, 4.2, 4.3)6. Murid mempamerkan karya seni yang dihasilkan dan menceritakan pengalaman mereka ketika melakukan aktiviti. (EK1-1.4; EK5–5.3, 5.5)
EMK:	<ul style="list-style-type: none">1. Kreativiti dan inovasi2. Keusahawanan (EK1, EK2, EK3, EK4, EK5)3. Nilai Murni
Bahan/Sumber:	<ul style="list-style-type: none">6. Contoh-contoh jenis topeng dan contoh-contoh topeng muka7. Kad manila, kertas warna, pen magik, gam, gunting, getah.
Penilaian p&p:	<ul style="list-style-type: none">3. Proses

4. Hasil karya

Refleksi:

Pada akhir pembelajaran:

4. ___ daripada ___ orang murid dapat mengenal, menamakan, memahami, mengaplikasi pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran bahasa seni visual yang ada pada karya seni yang dihasilkan;
5. ___ daripada ___ orang murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual;
6. Bagi murid yang tidak mencapai objektif, bimbingan khas akan diberi dalam sesi pembelajaran yang akan datang.

Nota:

Pendekatan yang dipilih dalam contoh rancangan pelajaran ini ialah **Pendekatan Penyebatian**. Guru boleh memulakan proses penerapan bermula dari aktiviti pertama. Murid diminta untuk memerhatikan dan mencatat perbezaan topeng-topeng yang ditunjukkan. Murid diminta untuk menyatakan perbezaan yang dilihat dan menghasilkan idea daripada kenyataan yang diberikan. (**EK2-2.1, 2.2, 2.3, 2.4, 2.5**)

Dalam aktiviti 2, murid membuat topeng berdasarkan teknik yang telah guru tunjukkan. Perancangan bentuk topeng yang akan dihasilkan dibuat terlebih dahulu melalui reka cipta secara lakaran. Murid perlu memikirkan bahan-bahan yang ingin digunakan. Semasa murid melaksanakan tugas, murid perlu melihat kembali perkembangan tugas yang dilaksanakan. (**EK3-3.1, 3.2, 3.3, 3.4; EK4-4.1, 4.2, 4.3**)

Semasa murid mempamerkan hasil karya masing-masing, guru mengulas tentang teknik yang telah dipelajari ini boleh diuabhsuai untuk menghasilkan topeng yang menarik (**EK4 – 4.1 Menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta teknologi dan vokasional**). Murid juga dimaklumkan tentang lukisan yang sama boleh dihasilkan dengan teknik yang berlainan (sekiranya berkaitan) (**EK4 – 4.2 Menghasilkan produk yang sama dengan menggunakan teknologi yang berlainan dan 4.3 Menghasilkan produk menggunakan sumber pelbagai/sumber alternatif/sumber kitar semula**)

Dalam masa murid membuat aktiviti, sekiranya terdapat murid yang cuba untuk merosakkan karya rakan yang lain, guru boleh menerapkan elemen keusahawanan kelima, (**EK5 – 5.3 Amalan menghormati hak manusia**). Murid diminta untuk mengemas peralatan kerja masing-masing setelah aktiviti berakhir agar persekitaran kelas tetap bersih dan teratur (**EK5 – 5.1.1 Menjaga kesejahteraan masyarakat dan persekitaran dari aspek fizikal dan emosi individu**) dan **5.5 Prinsip Ketelusan; menyatakan kebenaran tentang kejayaan penghasilan hasil kerja rakan**)

DUNIA MUZIK TAHUN 2

Tajuk/Tema:	Pengalaman Muzikal
Masa:	30 minit
Standard Pembelajaran:	1.3.2 Membuat pergerakan berdasarkan lirik dan mud muzik. - lagu aksi (action song)
Objektif Pembelajaran:	Pada akhir pembelajaran murid dapat: 3. Menyanyikan lagu Mari Bergerak mengikut mud lagu dengan iringan muzik. 4. Membuat pergerakan anggota badan mengikut lirik lagu. 5. Murid diperdengarkan bunyi kereta api yang sedang bergerak oleh guru 6. Murid meneka bunyi dan membuat meniru pergerakan bunyi itu. 7. Murid diperdengarkan lagu Mari Bergerak. 8. Murid mengajuk guru membaca berirama lirik lagu Mari Bergerak. 9. Murid mengajuk guru menyanyi tanpa iringan muzik. 10. Murid menyanyi dengan iringan muzik sambil merasai mud lagu. 11. Murid membuat pergerakan anggota badan berdasarkan lirik lagu dengan sendiri. (EK2-2.3), (EK3-3.2) 12. Murid membuat pergerakan yang sesuai dengan lirik lagu dengan bimbingan guru. 13. Murid menyanyi sambil membuat pergerakan dengan iringan muzik. 14. Murid dijelaskan oleh guru bahawa sikap ingin tahu dan kerjasama dapat mengeratkan silatur rahim antara satu sama lain dan dapat membina keyakinan diri. (EK5-5.1)
EMK:	1. Kreativiti 2. Keusahawanan (EK2, EK3 dan EK5)
BBM/Media:	CD dan Radio
Penilaian p&p:	Murid dapat menyanyi dan membuat pergerakan mengikut lirik lagu.
Refleksi:	3.1 ___ murid dapat menyanyi dan membuat pergerakan anggota badan dengan iringan muzik. 3.2 Murid dapat menjaga hubungan mesra antara kawan – kawan.

Nota:

Contoh Modul Dunia Muzik ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Pengintregrasian** bagi topik ini. Murid membuat pergerakan badan dengan idea sendiri mengikut lirik lagu. Hal ini boleh dilaksanakan dengan lebih seronok kerana murid bebas melakukan pergerakan tanpa bantuan guru. Ini akan menggalakkan penerapan elemen ke-2 (**EK2 – 2.3 – Menghasilkan idea daripada pemerhatian**). Setelah memerhatikan lirik lagu, murid dapat menghasilkan idea untuk membuat pergerakan. Ekoran daripada aktiviti ini juga menerapkan elemen ke -3 (**EK3 - 3.2 – Melaksanakan projek mengikut langkah – langkah yang telah disediakan**). Murid membuat pergerakan sendiri mengikut lirik lagu.

Dalam aktiviti yang terakhir, guru menjelaskan kepada murid bahawa sikap ingin tahu dan kerjasama dapat mengeratkan hubungan antara kawan – kawan dan dapat membina keyakinan diri. Elemen ke – 5 (**EK 5.1 – Prinsip Tanggungjawab Sosial**) diterapkan kepada murid dengan cara guru memberi penerangan.


PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 2

Tema/Tajuk:	Konsep pergerakan – Kesedaran ruang
Masa:	7.45 - 8.15 pagi
Standard Kandungan:	Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan berdasarkan kesedaran ruang.
Standard Pembelajaran:	1.1.1 Melakukan pergerakan ke ruang am yang telah ditetapkan. 2.1.1 Membezakan pergerakan mengikut ruang. 5.1.2 Melakukan aktiviti dalam ruang yang selamat.
Aktiviti:	1. Memanaskan badan. (EK 1.2) Melakukan aktiviti kesedaran ruang Bergerak dalam ruang terbuka. - Bergerak ke pelbagai arah tanpa melanggar kawan. - Bergerak seperti haiwan dalam pelbagai arah sambil mengeluarkan bunyi. 2 a) Bergerak dalam petak sempit dan luas (EK 1.2 & EK 1.5) - Murid bergerak bebas dalam petak yang ditanda. - Isyarat diberi, murid berhenti dan mencari rakan mengikut bilangan yang disebut. b) Bergerak berhalangan (EK 1.5) - Murid bergerak bergilir-gilir melalui beberapa stesen halangan. 3. Permainan kecil “Finding Nemo” (EK 1.3 & EK 2.1) 4. Menyejukkan badan.
EMK:	Keusahawanan - EK1 dan EK2
BBM:	Skital, gelung rotan,wisel dan lembaran kerja
Penilaian p&p:	Lembaran kerja – Tandakan (/) pada gambar yang menunjukkan ruang yang luas untuk bergerak.



1

2



3

4

Refleksi :

Nota:

Contoh Modul Pendidikan Jasmani ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **pendekatan penyebatian**. Aktiviti p&p ini memberi maklumat kepada murid tentang kesedaran ruang.

Dalam aktiviti p&p 1: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama (**EK1 – 1.2 peka kepada peluang**). Untuk aktiviti memanaskan badan, guru meminta murid berlari seperti gaya burung dalam ruang yang terbuka tanpa melanggar kawan. Murid bergerak seperti burung dalam pelbagai arah sambil mengeluarkan bunyi.

Dalam aktiviti p&p 2: Elemen **keusahawanan (EK1–1.2, 1.5 peka kepada peluang dan fleksibiliti)**. Dalam aktiviti ini, guru membahagikan murid-murid kepada empat kumpulan. Murid akan melakukan aktiviti permainan petak sempit dan luas. Guru menerangkan kepada murid tentang peraturan permainan. Dalam permainan ini, murid akan bergerak bebas dalam petak satu yang ditanda dengan skital. Apabila isyarat diberi, murid berhenti dan mencari rakan mengikut nombor yang disebut oleh guru. Aktiviti ini dijalankan secara berulang.

Dalam aktiviti p&p 3: Elemen keusahawan (**EK1 – 1.5 fleksibiliti**). Dalam aktiviti ini, murid akan melakukan aktiviti pergerakan berhalangan. Guru menyediakan beberapa stesen halangan. Secara berkumpulan, murid akan melakukan aktiviti pergerakan berhalangan dari stesen ke stesen. Stesen pertama murid akan melakukan aktiviti melompat ke dalam gelung. Di stesen yang ke dua, murid dikehendaki berlari secara zig-zag. Di stesen yang ketiga, murid akan merangkak seperti gaya buaya untuk melepassi halangan. Manakala di stesen terakhir, murid melakukan aktiviti merangkak melepassi gelung. Aktiviti ini dijalankan secara berulang.

Dalam aktiviti p&p 4: Elemen keusahawanan yang diterapkan ialah (**EK1 – 1.3 berani mengambil risiko**). Dalam aktiviti ini, murid akan melakukan aktiviti permainan kecil *Finding Nemo*. Guru membahagikan murid kepada dua kumpulan. Satu kumpulan dinamakan ikan bilis dan satu kumpulan lagi sebagai ikan jerung. Dalam permainan ini, ikan bilis berada di dalam kawasan skital dan ikan jerung pula berada di luar kawasan skital. Apabila isyarat diberi, jerung bergerak dan mengejar ikan bilis. Ikan bilis bergerak dalam kawasan skital dan menyelamatkan diri ke dalam gelung. Jika ikan jerung dapat menangkap ikan bilis, ikan bilis akan bertukar menjadi ikan jerung. Permainan berakhir apabila semua ikan bilis berjaya ditangkap. Setelah tamat aktiviti, murid melakukan aktiviti menyejukkan badan.

PENDIDIKAN KESIHATAN TAHUN 2

Tema/Tajuk	Kesihatan Fizikal - Pemakanan
Masa:	10.15 – 10.45 pagi
Standard Kandungan:	1.3 Mengenalpasti dan mengamalkan pemakanan yang sihat dan selamat.
Standard Pembelajaran:	1.3.2 Menyatakan kepentingan pengambilan makanan dan minuman berkhasiat. 1.3.5 Mengamalkan tabiat makan dan minum yang sihat.
BBM:	Lembaran kerja, buah-buahan plastik, botol-botol air mineral, tin-tin kosong air bikarbonat, plastik bungkusan makanan ringan, plastik bungkusan roti (sebarang replika makanan dan minuman yang sesuai) dan duit kertas palsu.
EMK:	EK1, EK2 dan EK4
Aktiviti:	<ol style="list-style-type: none">1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan untuk melakukan aktiviti main peranan.2. Kumpulan A dan B main peranan sebagai penjual makanan dan minuman. Kumpulan C dan D main peranan sebagai pembeli.3. Setiap kumpulan diminta untuk melantik seorang ketua. (EK1-1.9)4. Setiap kumpulan diberikan masa selama 5 minit untuk membuat persediaan (membeli dan menjual).5. Kumpulan A dan B akan memperkenalkan dan menjual makanan dan minuman (EK1-1.4), (EK1-1.3). Kumpulan C dan D diberikan wang palsu (RM10) untuk membeli makanan dan minuman yang dijual (EK1-1.9) , (EK1-1.2) (EK1-1.14)6. Aktiviti main peranan ini diberi masa selama 5 minit.7. Wakil dari kumpulan A dan B diminta untuk menyenaraikan makanan dan minuman yang tidak habis dijual serta memberi alasan mengapa jualan tersebut tidak dibeli. (EK2-2.2)8. Kumpulan C dan D memperkenalkan setiap makanan dan minuman yang dibeli di atas meja kumpulan masing-masing.9. Wakil kumpulan C dan D menyenaraikan makanan dan minuman yang dibeli serta menyatakan sebab mengapa mereka membeli makanan dan minuman tersebut. (EK2-2.2)10. Murid menyatakan kepentingan pengambilan makanan dan minuman berkhasiat dari aktiviti main peranan. (EK1-1.4)11. Guru menerangkan kepada murid bahawa BBM yang digunakan ketika aktiviti boleh dikitar semula dan murid mencadangkan produk yang boleh dihasilkan daripada bahan tersebut. (EK4-4.3)12. Lembaran kerja 1 (Mewarnakan gambar makanan yang berkhasiat) (EK2-2.2)
Penilaian p&p:	Murid mewarna lembaran kerja makanan yang berkhasiat.

Nota:

Contoh Modul Pendidikan Kesihatan ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **pendekatan penyebatian**. Elemen keusahawanan diserapkan dari awal hingga akhir p&p melibatkan aktiviti main peranan di mana murid menjadi penjual dan pembeli makanan dan minuman yang sihat di bilik darjah.

Dalam p&p ini, dalam langkah 3, elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan (**EK1-1.9 - Murid boleh bekerjasama dalam kumpulan serta boleh meneraju dan memimpin**). Murid diberi peluang untuk memilih ketua yang boleh menerajui kumpulan mereka. Ketua bagi setiap kumpulan bertindak merancang strategi untuk menjual dan membeli makanan dan minuman.

Elemen (**EK 2-2.4 -Murid boleh memilih idea terbaik daripada banyak idea**) pula memberi peluang kepada murid untuk menyusun atur barang jualan mereka supaya dapat menarik perhatian para pelanggan. Ahli kumpulan bekerjasama dalam memberikan idea-idea yang boleh digunakan bagi mela riskan jualan mereka. Elemen (**EK 2-2.6 -Murid menilai idea secara kritis dalam konteks untuk memilih idea yang terbaik**) diterapkan di langkah 10 supaya murid dapat menyatakan kepentingan pengambilan makanan dan minuman yang berkhasiat hasil daripada perbincangan kumpulan.

Elemen seterusnya (**EK 1-1.8 -Kesanggupan belajar daripada kesilapan**) digunakan oleh murid melalui tindakan mereka melaksanakan idea-idea yang telah dirancang dan bersedia untuk menerima teguran daripada guru dan rakan. Berikutnya, elemen (**EK 1-1.3 -Berani mengambil risiko yang dianggarkan**) pada langkah 9, murid perlu mengetahui bahawa makanan dan minuman yang berkhasiat membantu mereka membesar dengan sihat. Oleh yang demikian, mereka perlu lebih berhati-hati dalam memilih makanan sehari-an.

Penerapan elemen keusahawanan selanjutnya ialah (**EK1-1.2 – Peka kepada peluang**). Di langkah 5, murid dibekalkan dengan sumber (wang) dengan harapan mereka dapat menggunakan dengan cara yang betul dan bijak bagi membeli makanan dan minuman yang sihat dan selamat. Selain itu, elemen (**EK1-1.14 – Boleh membina jaringan sosial**) diterapkan semasa proses jual beli. Penjual mestilah mesra dengan pelanggan dan pelanggan pula perlu berkomunikasi dengan jelas dan bersopan.

Elemen berikutnya dalam langkah 7 dan 9 (**EK2- 2.2 – Menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif**). Dalam perbincangan antara kumpulan murid dengan guru, murid diberi peluang untuk menyatakan pendapat mereka berkaitan dengan kebaikan serta keburukan pengambilan makanan dan minuman yang mereka jual/beli ketika aktiviti main peranan. Elemen (**EK1-1.11 – Berdaya tahan**) diterapkan kepada kumpulan penjual. Mereka tidak boleh putus asa dan tabah menerima kritikan sekiranya jualan mereka tidak mendapat sambutan.

Kesimpulannya, di akhir p&p, murid dapat menyatakan kepentingan pengambilan makanan dan minuman yang berkhasiat serta mengamalkan tabiat makan dan minum yang sihat dalam kehidupan sehari-an mereka dan pada masa yang sama, elemen-elemen keusahawanan dapat diterapkan dalam diri murid.

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 2

Tema/Tajuk:	Kepercayaan kepada Tuhan
Masa:	7.30 – 8.00 pagi (30 minit)
Standard Kandungan:	1.1 Mematuhi amalan beribadat dalam keluarga. 1.1.1 Menceritakan amalan beribadat dalam keluarga.
Standard Pembelajaran:	1.1.4 Melaksanakan amalan beribadat bersama keluarga.
Objektif:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat: 5. Memahami dan menceritakan amalan dan tempat beribadat mengikut agama masing-masing. 6. Melakonkan amalan beribadat bersama keluarga.
Aktiviti:	24. Guru memaparkan gambar mengenai amalan dan tempat beribadat pelbagai agama. (EK2 – 2.1) 25. Murid menceritakan amalan beribadat dalam keluarganya. (EK1 – 1.5) 26. Murid melakonkan amalan beribadat yang biasa dilakukan bersama keluarga. (EK1 – 1.8; EK5 – 5.4) 27. Murid menyiapkan lembaran kerja.
EMK:	1. Keusahawanan – (EK1-1.5, 1.8, EK2-2.1, EK5-5.4) 2. TMK
BBM/Media:	Komputer, slaid <i>powerpoint</i> gambar amalan dan tempat beribadat, lembaran kerja
Penilaian p&p:	Lembaran kerja (Padankan gambar tempat beribadat dengan agama yang berkaitan).
Refleksi:	____ orang daripada ____ orang murid telah mencapai objektif p&p. Murid belum menguasai akan diberi bimbingan dalam aktiviti yang lain.

Nota:

Contoh Modul Pendidikan Moral Tahun 2 ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Pengintegrasian**. Aktiviti p&p melibatkan bercerita dan berlakon cara beribadat menurut agama masing-masing.

Dalam aktiviti p&p 1: Elemen Keusahawanan ke dua (**EK2 – 2.1 Amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan.**) Murid melihat gambar mengenai contoh-contoh amalan dan tempat beribadat pelbagai agama menggunakan komputer. Semasa murid melihat gambar tersebut, murid akan mengumpul maklumat tentang amalan dan tempat beribadat mengikut bangsa dari pemerhatian gambar yang ditayangkan dan menghubungkait dengan persekitaran mereka tentang amalan dan tempat beribadat yang mereka ketahui.

Dalam aktiviti p&p 2: Elemen Keusahawanan **EK1 – 1.5 Fleksibiliti- bersedia, mendengar dan didengar.** Murid menceritakan cara beribadat mengikut agama masing-masing. Semasa murid menceritakan cara beribadat, murid-murid lain akan mendengar penerangan tersebut. Ini bermakna murid bersedia untuk mendengar cerita dari murid-murid lain dan murid-murid lain juga bersedia untuk mendengar cerita dari rakan mereka juga.

Dalam aktiviti p&p 3: Ada dua elemen diterapkan:

1. Elemen keusahawanan **EK1 – 1.8 kesanggupan belajar daripada kesilapan.** Semasa aktiviti berlakon, murid belajar tentang cara sembahyang yang betul. Segala kesalahan atau kesilapan akan ditegur dan diperbetulkan. Murid dengan hati terbuka dapat menerima teguran dan pandangan dari rakan atau guru mereka cara yang betul untuk sembahyang dan seterusnya memperbetulkan tindakan yang silap tersebut.

2. Elemen keusahawanan **EK5 - 5.4 prinsip autonomi.** Semasa aktiviti berlakon, murid-murid yang menonton lakonan tersebut boleh memahami dengan lebih lanjut tentang amalan beribadat bangsa lain. Walaupun mempunyai perbezaan dalam amalan beribadat, guru menerapkan nilai menghormati rakan yang berlainan bangsa dan agama termasuklah amalan beribadat.

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 2

Tema/Topik:	Saya dan keluarga dan Inilah Caranya!
Masa:	30 minit
Standard pembelajaran:	4.1.1 Mengucapkan terima kasih dalam pelbagai bahasa 4.1.2 Mengenali pelbagai cara memberi penghargaan
Objektif pembelajaran:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat menyatakan cara memberi penghargaan dan kepentingan memberi penghargaan kepada keluarga.
Aktiviti:	<ol style="list-style-type: none">1. Cara memberi penghargaan kepada keluarga secara lisan atau dengan menggunakan contoh bahan (EK1 – 1.4 Daya kreativiti dan inovasi; EK2 – 2.1 Amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan). (kad, jambak bunga, emel, hadiah dan sebagainya).2. Kepentingan memberi penghargaan kepada keluarga menghasilkan kad sempena Hari Ibu/ Hari Bapa dengan menggunakan komputer (EK4 – 4.1).
EMK:	<ol style="list-style-type: none">1. Elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi;2. Elemen keusahawanan (EK1, EK2 dan EK4).
BBM/Media:	Contoh kad ucapan Hari Ibu/ Bapa, gambar hadiah, jambak bunga, lembaran kerja, gam dan gunting.
Penilaian p&p:	<ol style="list-style-type: none">1. Lembaran kerja (Padankan gambar dengan ucapan yang berkaitan dengan penghargaan)2. Kad Hari Ibu/ bapa yang dihasilkan oleh murid bagi menunjukkan penghargaan.
Refleksi:	<ol style="list-style-type: none">1. _____ orang murid telah mencapai standard yang ditetapkan.2. _____ orang murid akan diberi latihan pemulihan sebelum waktu pelajaran akan datang.

Nota:

Dalam contoh ini, pendekatan yang digunakan ialah penyebatian. Bermula dari aktiviti pertama, guru boleh meminta murid menyatakan cara-cara untuk memberi penghargaan kepada keluarga. Ini akan dapat mengaktifkan daya kreativiti dan inovasi murid (**EK1 – 1.4**) apabila murid diminta untuk membuat pemerhatian terhadap contoh-contoh kad komersial sedia ada (**EK2 – 2.1**). Sewaktu murid diminta untuk menghasilkan kad ucapan atau bentuk-bentuk lain yang boleh digunakan sebagai media penghargaan, guru boleh menerapkan bahawa murid boleh menghasilkan produk yang berkualiti yang akan lebih menarik perhatian keluarga atau rakan-rakan (**EK4 – 4.1**). Guru juga boleh menggalakkan murid berfikir untuk menghasilkan produk yang sama dengan menggunakan teknologi yang berlainan (**EK4 – 4.2**).

BAHASA MALAYSIA SK TAHUN 3

Tema/Tajuk:	Sains dan Teknologi – Pameran Komputer
Masa:	7.30 – 8.30 pagi
Standard Kandungan	2.3 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.
Standard Pembelajaran:	2.3.1 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan yang mengandungi pelbagai pola ayat dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul dan jelas.
Objektif:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat; 7. membaca bahan iklan dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul dan jelas. 8. membaca maklumat yang betul mengikut susunan daripada pelbagai sumber. 28. Guru memaparkan slaid <i>powerpoint</i> atau kad gambar berkaitan pameran komputer. (EK2-2.1, TMK) 29. Murid diberi peluang memerhati dan berosal jawab tentang gambar yang dilihat. (EK1.14, EK2-2.1, 2.2) 30. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan diberi kertas iklan. Setiap kumpulan diminta berbincang untuk membaca iklan tersebut dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul dan jelas. (EK5-5.5 Prinsip Ketelusan: perniagaan yang tidak mengelirukan) 31. Guru akan menilai bacaan daripada setiap kumpulan. Kumpulan yang terbaik akan diberi ganjaran. 32. Secara berkumpulan murid diminta mencatat dan membaca maklumat penting yang terdapat dalam kertas iklan mengikut susunan. (EK2-2.1) 33. Murid diminta mereka cipta iklan untuk mempromosikan komputer yang hendak dijual. (EK4-4.1, TMK dan Kreativiti dan Inovasi)
EMK:	Keusahawanan (EK1, EK2, EK4, EK5)
BBM/Media:	LCD, lampiran kertas iklan
Penilaian p&p:	Murid dapat membaca maklumat yang terdapat dalam iklan dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul dan jelas.
Refleksi:	_____ orang daripada _____ orang murid telah mencapai objektif p&p. Murid belum menguasai akan diberi bimbingan dalam aktiviti yang lain.

Nota:

Contoh Modul Bahasa Malaysia ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Penyebatian**. Elemen keusahawanan diterapkan dari awal hingga akhir pengajaran dan pembelajaran bagi menggalakkan murid mengamalkan cara berfikir ke arah menjadi usahawan pada masa akan datang.

Semasa aktiviti p&p1, elemen keusahawanan (**EK2-2.1 –Amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan – boleh mendapatkan maklumat daripada mana-mana sumber**) diterapkan. Murid diminta memerhati gambar berkaitan pameran komputer untuk mendapatkan maklumat. Dalam aktiviti p&p 2: elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan (**EK1-1.14 - Boleh membina jaringan sosial - boleh berkomunikasi dengan baik**) Murid diminta bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat tentang gambar yang dipaparkan iaitu gambar pameran komputer. Semasa sesi soal jawab ini murid saling bertukar cerita atau pandangan berkaitan pameran komputer yang dilihat dalam gambar. Komunikasi dua hala yang dilaksanakan diharapkan dapat mendidik murid untuk berkomunikasi dengan baik.

Seterusnya,dalam aktiviti p&p 3, elemen keusahawanan (**EK5-5.4 - Prinsip Autonomi - menghormati rakan berlainan bangsa dan agama**) diterapkan semasa aktiviti berkumpulan dijalankan. Murid perlu saling bekerjasama antara ahli kumpulan bagi memastikan mereka dapat membaca iklan yang diberikan dengan sebutan yang betul dan jelas. Dalam aktiviti p&p 4 iaitu aktiviti berkumpulan, elemen keusahawanan (**EK2-2.1 amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan - boleh menyenaraikan/mengumpul maklumat, boleh mendapatkan maklumat daripada mana-mana sumber**) murid mendapatkan maklumat di dalam iklan yang diberikan.

Melalui aktiviti p&p 7, elemen keusahawanan (**EK4-4.1 menghasilkan produk berasaskan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional - boleh mereka cipta suatu produk**) diharapkan murid dapat melahirkan kreativiti masing-masing untuk membina iklan bagi mempromosikan komputer untuk menarik perhatian dan minat pelanggan.

BAHASA MALAYSIA TAHUN 3 SJKC

Tema/Tajuk:	Unit 1.Kekeluargaan – Menziarahi Saudara	
Masa:	7.30 – 8.30 pagi (60 minit)	
Standard Kandungan:	FU: 1.2 Bertanya dan menjawab tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.	FS: 5.1 Membaca kuat perkataan dan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan memahami perkara yang dibaca.
Standard Pembelajaran:	FU: 1.2 Aras 3(i) Bersoal jawab dengan memberikan penerangan sebagai maklum balas.	FS: 5.1 Aras 3 (i) Membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.
Objektif:	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none">9. Bercerita tentang pengalaman menziarahi saudara semasa cuti sekolah dengan ayat tunggal dan ayat majmuk.10. Membaca petikan yang diberi dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul mengikut tanda baca. <ol style="list-style-type: none">34. Murid berbual tentang pengalaman menziarahi saudara semasa cuti sekolah.35. Murid menyoal dengan kata tanya yang diberi. (EK1-1.2)36. Murid memberi penerangan sebagai maklum balas. (EK1-1.6)37. Murid membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.38. Murid melakonkan dialog jual beli cenderahati secara kumpulan atau berpasangan. (EK3-3.2 , EK5-5.1)	
EMK:	Keusahawanan – (EK1-1.2, 1.6; EK3-3.2; EK5-5.1)	
BBM/Media:	Buku Teks, Gambar-gambar gerai cenderahati, cenderahati, komputer.	
Penilaian p&p:	Murid menuturkan ayat-ayat tanya berdasarkan dialog dan gambar yang diberi.	
Refleksi:	____ orang daripada ____ orang murid telah mencapai objektif p&p. 4 orang murid belum menguasai diberi bimbingan dalam aktiviti yang lain.	

Nota:

Contoh Modul Bahasa Malaysia ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Pengaplikasian**. Setelah selesai melaksanakan aktiviti pembelajaran, guru boleh mengadakan aktiviti simulasi dengan melibatkan murid main peranan sebagai penjual dan pembeli.

Dalam aktiviti p&p 1: **(EK1.2 – Peka kepada peluang- suka mengambil tahu)** dalam aktiviti p&p 2, murid diminta menyoal rakan untuk mendapatkan maklumat tentang tempat yang dikunjungi dan untuk mengetahui pengalaman berkunjung ke rumah saudara mereka dan menyatakan keadaan tempat tersebut. Murid juga boleh bertanya tentang keluarga saudara yang dilawati.

Di sini, untuk aktiviti p&p 3, elemen keusahawanan **(EK1.6 – keinginan kepada maklum balas segera - memberi reaksi segera apabila diminta)** rakan yang disoal akan memberi respons dengan menjawab pertanyaan rakan.

Seterusnya, elemen keusahawanan ke tiga dalam aktiviti p&p 5; **(EK3.2 – Melaksanakan projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan - berupaya menjalankan tugas mengikut perancangan)** murid diminta menyatakan barang cenderamata yang telah dibeli dalam perjalanan pergi balik ke rumah saudara dan ingin menjual cenderamata kepada rakan-rakan mereka yang menginginkannya. Murid diminta melakonkan watak mengikut petikan dialog yang diberi. Elemen keusahawanan boleh diterapkan dengan jelas sewaktu aktiviti main peranan sebagai penjual dan pembeli. Selain itu, elemen keusahawanan kelima; **(EK5.1 – Prinsip tanggungjawab sosial - mengelak perselisihan faham)**, semasa aktiviti ini dapat memupuk nilai positif dengan mengamalkan sikap keusahawanan yang bertanggungjawab dan jujur semasa berurus niaga.

نموذج خطة الدرس اليومية لمادة اللغة العربية للصف الثالث

المادة	1	اللغة العربية / الصف الثالث إيمان
الموقف / الموضوع	2	: المأكولات والمشروبات/ أرز ، دجاجة ، سمكة ، ماء ، شاي ، حليب ، قهوة .
الزمن	3	: 9,00 – 8,00 صباحا (حستان)
معيار التعلم	4	: 6.9 ، 8.1 ، 6.6 ، 3.1
الأهداف	5	<u>أ.</u> إستماع إلى الكلمات "أرز ، دجاجة ، سمكة ، ماء ، شاي ، حليب ، قهوة " إستماعا سليما. <u>ب.</u> نطق الكلمات (أرز ، دجاجة ، سمكة ، ماء ، شاي ، حليب ، قهوة .) نطقا صحيحا <u>ج.</u> تسمية الأشياء المدرosaة تسمية صحيحة مع التمثيل
الأنشطة	6	<u>أ.</u> يسمع المعلم النطق النموذجي للكلمات المدرosaة إلى التلاميذ ثم يحاكي التلاميذ الكلمات المسموعة. <u>ب</u> . ينطق التلاميذ الكلمات المدرosaة فرديا وفتريا وجماعيا. (EK1 - 1.8) <u>ج.</u> يطلب المعلم من التلاميذ إخراج المأكولات والمشروبات كما طلبه في الحصة السابقة . (EK3 - 3.1) <u>د.</u> ينقسم المعلم الى ثلات مجموعات ويطلب من التلاميذ إجماع المأكولات والمشروبات على المكتب أمام الفصل. (EK3 - 3.2) <u>ه.</u> يطلب المعلم من التلاميذ لإجراء التمثيل أمام الفصل مثل يوم المطعم. (EK5 - 5.2, 5.5) (EK1 - 1.9)
العناصر عبر المناهج	7	: التجارية
الوسائل المعينة للتعليم	8	: بطاقة الكلمات والصور ، الأشياء الموجودة
تقييم التعليم والتعلم	9	: تقييم قدرة التلاميذ على تعين الكلمات المسموعة وقدرتهم على نطقها وتسميتها حسب الاشياء الموجودة .
الملاحظة الذاتية	10	: خمسة (5) تلاميذ لا يقدرون على اكتساب الأهداف الدراسية. أما التلاميذ

الآخرون يقدرون على نطق الكلمات المسموعة المدرستة وتسميتها حسب الأشياء الموجودة.

سأكرر هذا الدرس على خمسة تلاميذ الذين لم يبلغوا الأهداف المرجوة من الدرس قبل الحصة الآتية.

Nota:

Contoh modul Bahasa Arab ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Pengintegrasian**. Aktiviti p&p secara terus melibatkan main peranan murid menjadi penjual dan pembeli.

Dalam aktiviti p&p 2 : Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama **(EK1 – 1.8 Kesanggupan belajar dari kesilapan- bersedia menerima teguran/pandangan orang lain)**. Selepas murid diperdengarkan oleh guru perkataan-perkataan Bahasa Arab, murid diminta menuturkan kembali perkataan tersebut. Jika terdapat kesalahan dalam menuturkannya, guru akan membetulkan kesilapan murid agar murid dapat belajar daripada kesilapan.

Dalam aktiviti p&p 3: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan ketiga.

(EK3 – 3.1 Merancang sesuatu projek dengan teliti – Murid boleh mengumpulkan maklumat yang diminta) Guru meminta murid mengumpulkan barang yang dipesan untuk dibawa ke sekolah. Murid-murid akan berbincang dan berusaha untuk menyediakan apa yang diminta.

Dalam aktiviti p&p 4: Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan ketiga.

(EK 3 - 3.2 Melaksanakan projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan – berupaya menjalankan tugas mengikut perancangan). Guru membahagikan murid kepada 3 kumpulan dan meminta murid merancang untuk menyusun barang jualan mengikut jenis makanan dan minuman di atas meja di hadapan kelas mengikut kreativiti masing-masing.

Di dalam aktiviti p&p 5 : Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama.

(EK1 – 1.9 prinsip berkeupayaan memimpin –bekerjasama dalam kumpulan).

Semua murid memainkan peranan mengikut pembahagian tugas yang telah diberi, dengan ini kerjasama berkumpulan dapat diterapkan.

Di dalam aktiviti p&p 5 : Elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan kelima.

(EK5 – 5.2 prinsip keadilan – Murid membahagikan tugas sama rata EK5- 5.5 prinsip ketelusan – Murid menyatakan maklumat dengan jelas). Murid membahagikan tugas atau peranan sebagai penjual dan pembeli. Murid yang berlakon sebagai penjual akan meneriak barang jualan dengan perkataan Bahasa Arab manakala murid yang memainkan peranan sebagai pembeli akan membeli sambil

menyatakan nama makanan atau minuman tersebut di dalam Bahasa Arab. Dengan ini murid dapat menyatakan maklumat dengan jelas dengan dibantu oleh benda maujud.

- | | |
|-----|--|
| 3,1 | القدرة على الاستماع إلى الكلمات والجمل وترديدها. |
| 6,1 | القدرة على نطق الكلمات و الجمل نطقا صحيحا. |
| 6,8 | القدرة على تسمية الأشياء والصور. |
| 6,9 | القدرة على تمثيل الحوار البسيط. |

DUNIA SAINS DAN TEKNOLOGI TAHUN 3

Tema/Tajuk:	Pokok-pokok di Rumahku
Masa:	7.30 – 8.30 pagi
Standard Kandungan:	4.1 Memahami ciri tumbuhan
Standard Pembelajaran:	4.1.3, 4.1.4, 4.1.5
Objektif:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat; 11. Menyenaraikan tiga kepentingan tumbuhan kepada manusia dan haiwan 12. Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, penulisan, TMK atau lisan.
Aktiviti:	39. Murid mempamerkan kepelbagaian daun yang telah dikeringkan dari rumah. 40. Murid mengenal pasti jenis urat daun (selari/jejala) yang terdapat pada daun tersebut. 41. Guru menerangkan dan menunjukkan cara menghasilkan penanda buku dengan menggunakan daun. 42. Murid membuat penanda buku seperti yang telah ditunjukkan oleh guru. (EK1-1.4) 43. Murid mempamerkan hasil kerja yang telah dihasilkan. 44. Murid memberi maklumbalas terhadap hasil kerja sendiri dan rakan-rakan. (EK3-3.4) 45. Guru bertanya cara lain yang boleh diguna pakai untuk menghasilkan penanda buku. Murid memberi respons kepada pertanyaan guru (teknik pengeringan dan rendaman). (EK2-2.5) 46. Guru menerangkan tentang hasilan lain yang boleh didapati daripada daun. (contohnya bunga daripada daun getah, potpouri daripada daun pandan, tikar daripada daun mengkuang, ketupat daripada daun kelapa dan lain-lain) (EK2-2.8)
EMK:	1. Kreativiti dan inovasi 2. Keusahawanan (EK1, EK2, EK3) 3. Nilai Murni
BBM/Media:	Kepelbagaian daun, contoh penanda buku
Penilaian p&p:	Murid dapat menyenaraikan tiga kepentingan tumbuhan kepada manusia dan haiwan di samping menghasilkan hasil kerja masing-masing.
Refleksi:	____ orang daripada ____ orang murid telah mencapai objektif p&p. Murid belum menguasai akan diberi bimbingan dalam aktiviti yang lain.

Nota:

Dalam pengajaran ini guru boleh menerapkan elemen keusahawanan dengan menggunakan **pendekatan pengintegrasian**. Semasa aktiviti pembelajaran dan pengajaran, (**EK1-1.4 Daya kreativi dan inovasi**) di mana guru menggalakkan murid untuk lebih kreatif bagi menghasilkan penanda buku mengikut daya kreativiti murid.

Disamping itu juga (**EK3-3.4 Menilai pelaksanaan projek**) murid diberi peluang untuk memberi ulasan tentang kekuatan dan kelemahan penanda buku yang telah dihasilkan oleh murid lain.

(EK2-2.5 menambahbaik idea yang dipilih (inovasi). Perbincangan bersama guru dan murid membuka peluang untuk murid mengeluarkan idea yang kreatif dan penambahbaikan yang sesuai untuk digunakan dalam menghasilkan penanda buku.

(EK2-2.8 menyesuaikan idea baru mengikut keperluan masyarakat dan persekitaran). Guru meminta murid menyatakan bahan hasilan lain yang boleh didapati daripada tumbuhan. (contohnya bunga daripada daun getah, potpouri daripada daun pandan, tikar daripada daun mengkuang, ketupat daripada daun kelapa dan lain-lain) yang boleh dipasarkan untuk dijual kepada masyarakat setempat.

DUNIA MUZIK TAHUN 3

Tajuk/Tema:	Penghasilan muzik
Masa:	30 minit
Standard Pembelajaran:	2.1.1 Menghasilkan pelbagai bunyi guna alat improvisasi
Objektif Pembelajaran:	Pada akhir pembelajaran murid dapat: 5. Menghasilkan alat muzik berdasarkan bahan terbuang untuk dijadikan produk. 6. Menghasilkan pelbagai bunyi daripada alat muzik yang dihasilkan .
Aktiviti:	15.Murid ditunjukkan gambar alat muzik perkusi oleh guru. 16.Murid meneka nama alat muzik yang ditunjukkan oleh guru. 17.Murid ditunjukkan contoh alat muzik yang telah diimprovisasi oleh guru. (EK1-1.4) 18.Murid diminta untuk mengeluarkan bahan yang dipesan oleh guru seperti tempurung, sudu dan juga botol minuman. 19.Murid dibimbing bagaimana untuk bermain alat improvisasi sebanyak 4 bar. 20.Murid disoal bagaimana bahan terbuang tersebut dapat dimanfaatkan dengan lebih baik. (EK2-2.3) 21.Murid ditunjuk cara untuk menghasilkan alat muzik Shaker dan Kastenet 22.Murid menghasilkan alat improvisasi serta memainkan alat tersebut secara berkumpulan dan solo mengikut kreativiti sendiri dengan bimbingan guru. . (EK2-2.7, EK4-4.3) 23.Murid dijelaskan oleh guru bahawa penggunaan bahan improvisasi ini juga dapat menjaga alam sekitar dan dapat menghasilkan produk untuk dijadikan sumber pendapatan. (EK5-5.1)
EMK:	1.Kreativiti dan inovasi 2.Keusahawanan (EK1, EK2, EK4 dan EK5)
BBM:	Gambar dan alat-alat muzik
Penilaian p&p:	Murid dapat menghasilkan pelbagai bunyi daripada barang improvisasi
Refleksi	3.3____ murid dapat memainkan alat improvisasi dengan betul 3.4 Murid menjaga alam sekitar disamping mendatangkan manfaat ke atas diri mereka.

Tindakan Susulan

Murid menghias alat improvisasi untuk dijadikan barang bernilai

Nota:

Contoh Modul Dunia Muzik ini menerapkan elemen keusahawanan dengan **Pendekatan Penyebatian** bagi topik ini. Aktiviti p&p secara terus melibatkan main peranan murid dalam menghasilkan satu-satu alat muzik daripada bahan terbuang mengikut kreativiti murid itu sendiri.

Di akhir pengajaran dan pembelajaran,murid dapat menggunakan pengetahuan kemahiran teknologi dan vokasional serta nilai dan etika keusahawanan. Dalam aktiviti p&p 3, elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan pertama (**EK1-1.4 Daya kreativiti dan inovasi**). Murid telah didedahkan dengan hasil sesuatu produk daripada guru. Murid akan rasa teruja dan ingin mencuba perkara yang baharu.

Seterusnya, elemen yang diterapkan ialah elemen keusahawanan ke-2 (**EK2-2.3 Menghasilkan idea daripada pemerhatian**). Setelah disoal oleh guru tentang bagaimana menggunakan bahan terbuang dengan bermanfaat dalam dunia muzik, murid diminta memberi jawapan mengikut idea masing-masing.

Dalam aktiviti p&p 8, diterapkan pula elemen keusahawanan ke-2 (**EK2-2.7 Melaksanakan idea dalam bentuk produk teknologi abstrak atau konkret**). Murid telah berusaha menghasilkan alat perkusi yang diimprovisasi mengikut kreativiti sendiri. Satu lagi elemen yang diterapkan dalam aktiviti ini ialah elemen keusahawanan ke-4 (**EK4-4.3 Menggunakan sumber yang pelbagai/sumber alternatif/bahan kitar semula**) . Bahan-bahan seperti tempurung, sudu dan botol minuman yang telah dibawa oleh murid dapat menghasilkan alat perkusi seperti *Shaker* dan *Castenet*.

Di penghujung p&p, guru menjelaskan bahawa penggunaan bahan improvisasi ini juga dapat menjaga alam sekitar dan dapat menghasilkan produk untuk dijadikan sumber pendapatan. Elemen yang diterapkan ialah elemen ke-5 (**EK5 – 5.1 Prinsip tanggungjawab sosial**). Murid menyedari kesan dan akibat apabila barang terpakai/terbuang tidak dibuang dengan cara yang betul. Secara tidak langsung dapat menerapkan nilai moral dan etika sejajar dengan objektif elemen keusahawanan.

RUJUKAN

- Ab.Aziz Yusof & Zakaria Yusof. 2004. *Prinsip Keusahawanan*. Edisi ke - 2. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Ashmore, C. 2001. *Entrepreneurship everywhere: a guide to resources and models for entrepreneurship education*. Ohio: The Consortium for Entrepreneurship Education.
- DeTienne, D.R., & Chandler, G.N. 2004. Opportunity identification and its role in the entrepreneurial classroom: a pedagogical approach and empirical test. *Academy Of Management Learning & Education* 3(3): 242-258.
- Harkema, Saskia J.M. & Schout, H. 2008. Incorporating student-centered learning in innovation and entrepreneurship education. *European Journal of Education* 43(4): 513-526.
- Henry, C., Hill, F. & Leitch, C. 2003. *Entrepreneurship Education and Training*. Aldershot: Ashgate.
- Mohd Salleh Hj. Din, Hoe Chee Hee, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad & Habshah Bakar. 2005. *Asas Keusahawanan*. Singapore: Thomson Learning.
- Mohd Zafir bin Makhbul & Fazilah Mohd Hasun. 2003. *Menjadi usahawan: panduan menuju dan menguruskan perusahaan secara profesional*. Bentong: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Nor Aishah Buang. 2001. Creativity, design, innovation and entrepreneurship education orientation in vocational and technical curriculum: towards global challenges. *Proceedings of the International Conference on Technology and Vocational-Technical Education:Globalization and Future Trends* 12-13 Nov, Uniten. hlm.437-440
- Nor Aishah Buang. 2002. *Asas keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Nor Aishah Buang. 2011. *Pendidikan keusahawanan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Aishah Buang. 2011. *Pendidikan keusahawanan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Norita Deraman, et. al. 2007. *Keusahawanan*. Shah Alam: McGraw-Hill.
- McClelland, D.C. 1961. *The Achieving Society*. Princeton, NJ: Van Nostrand.

Schumpeter, Joseph A. 1934. *The Theory of Economic Development*. Cambridge, MA. Harvard University Press.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. 1997. *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, et al. 2006. Inovasi pengajaran dan latihan keusahawanan. *Kertas kerja Seminar Pembudayaan dan Pendidikan Keusahawanan Remaja*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 28 Feb. 2006.

Kamus Dewan. 2000. Edisi 3. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka

PENGHARGAAN

Buku Panduan Guru ini dihasilkan dengan kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai pihak termasuklah Pengarah, dan pegawai-pegawai dari Bahagian Pembangunan Kurikulum khasnya, pensyarah-pensyarah universiti dan institut perguruan, pegawai-pegawai dari Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia dan guru-guru mata pelajaran. Bahagian ini merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dengan harapan buku panduan ini dapat membantu guru-guru dalam melaksanakan penerapan elemen keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran masing-masing.

Penasihat: Y. Bhg. Dato' Ibrahim bin Mohamad
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pengerusi: En. Mohd Zanal bin Dirin
Timbalan Pengarah (Dasar, Sains dan Teknologi)

Setiausaha: Hj. Naza Idris bin Saadon
Ketua Sektor
Sektor Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Penolong Setiausaha: En. Md. Rosly bin Md. Yusoff
Pn. Normala binti Hashim

Prof. Madya Dr. Nor Aishah binti Buang - Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Dr. Prof. Dr. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie - Universiti Putra Malaysia

Dr. Faizah binti Md. Ghazali

- IPGM Kampus Pendidikan Teknik,
Jalan Yaacob Latif,
Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur

En Khir Johari Mohd Ali

- IPGM Kampus Pendidikan Teknik,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur

Pn. Hassmani binti Che Omar @ Che Hassan

- Bahagian Pendidikan Guru,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Aras 2-6, Blok E13, Putrajaya,
62604 Putrajaya

Dr. Norlida binti Ab. Wahab

- Bahagian Pendidikan Guru,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Aras 2-6, Blok E13, Putrajaya,
62604 Putrajaya

Pn. Faizah binti Ismail

- SMK Bandar Tun Razak, Jalan Jaya, 56000 Kuala Lumpur

- Pn. Faridah binti Abdullah
- En. Shamsudin bin Husain
- En. Puaadi bin Osman
- En. Mohd Nazri bin Mohd Yusop
- En. Abdul Halim bin Mohd Hanifa
- En. Mohd Asri bin Ariffin
- En. Zaini bin Hasan
- Pn. Sarina binti Desa
- Hj. Mat Radzi bin Hassan
- SMK Cheras Jaya, Cheras,
43200 Selangor
- SMK Convent Bukit Mertajam,
Jalan Kulim, 14000 Bukit
Mertajam, Pulau Pinang
- SK Padang Ampang, Jalan Ipoh,
33000 Kuala Kangsar, Perak
- SK Pos Raya, Kampung
Kepayang, 31300 Ipoh, Perak
- SK Bukit Minyak, Jalan Bukit
Minyak, 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang
- SMK Seberang Jaya, Lengkok
Sembilang, 13700 Seberang
Jaya, Pulau Pinang
- SK Temong, 33600 Kuala
Kangsar, Perak
- SK Pasukan Polis Hutan, 31150
Ulu Kinta, 31150 Ipoh, Perak
- SMK Dato Wan Ahmad Rasdi,
34850 Changkat Jering, Perak

Susun Atur dan Reka Bentuk Kulit:

En. Muntasir b. Hj. Muaz

- Unit Pengurusan Komunikasi Kurikulum
Bahagian Pembangunan Kurikulum



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
ARAS 4-8, BLOK E9
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>